


Maksudnya : "Daripada Khaulatal Ansariyah Radiallahuanha ia berkata : Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Bahawasanya orang yang mencampuradukkan harta Allah dengan jalan yang tidak halal, maka mereka akan mendapat seksa api neraka pada hari Kiamat kelak".

KOMITED MEMPERKUKUH HUBUNGAN DUA HALA DALAM PELBAGAI BIDANG



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman (Lihat muka 3).

Perutusan tahniah kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam baharu

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Luong Cuong berikutan dengan pelantikannya sebagai Presiden Republik Sosialis Viet Nam yang baharu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Luong Cuong.

Teroka penjagaan kesihatan asasi transformatif

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Oktober. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dengan

disertai Setiausaha Tetap, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin, dan beberapa pegawai kanan Kementerian Kesihatan telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa

Serantau bagi Rantau Pasifik Barat Ke-75 (75th Regional Committee Meeting for the Western Pacific Region - WPR) yang sedang berlangsung pada 21 hingga 25 Oktober 2024 di Manila, Republik Filipina.

>> Muka 8



Berita Utama





MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada Majlis Pelancaran Inisiatif Kelestarian (Sustainability Initiative), bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan pada Khamis, 10 Oktober 2024

*Bismillaahir Rahmaanir Raheem,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Anbiya Iwal Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin Wa'ala
Aalihee Wasahbihee Ajma'een,*

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah

Perubahan iklim salah satu ancaman kesihatan terbesar seluruh dunia

kurnia-Nya jua, kita semua dapat hadir pada pagi ini, di Majlis Pelancaran Inisiatif Kelestarian 'Sustainability Initiative' Kementerian Kesihatan. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Perubahan iklim adalah salah satu ancaman kesihatan yang terbesar di seluruh dunia. Di antara tahun 2030 sehingga 2050, perubahan iklim dijangka akan menyumbang kepada kira-kira 250,000 kematian tambahan setiap tahun iaitu kematian akibat kesan negatif daripada perubahan iklim seperti penyebaran penyakit pembawaan vektor seperti malaria dan denggi; peningkatan gelombang panas berbahaya yang boleh menyebabkan dehidrasi dan *heatstroke*; *diarrhea* akibat kekurangan air yang bersih; kekurangan zat makanan disebabkan hasil pertanian yang menurun; dan peningkatan kesihatan mental.

Di dalam sektor penjagaan kesihatan, perubahan iklim mendatangkan kesan yang sangat signifikan kepada semua lapisan masyarakat. Bagi sesebuah negara yang mempunyai infrastruktur dan sistem kesihatan yang lemah, perubahan iklim akan menjadi satu cabaran yang perlu diambil perhatian segera untuk membina kedayatahan yang mampan. Dalam jangka masa panjang, kesan bahaya perubahan iklim akan bergantung kepada sejauh mana

tindakan transformatif dan kawal selia diambil pada masa ini untuk mengurangkan pelepasan karbon dan sekali gus mengurangkan kesan yang memudaratkan pada masa hadapan.

Dalam menyentuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Konvokesyen UBD Ke-36 pada 12 Ogos 2024, yang mana baginda bertitah : *"Dalam keadaan dunia berhadapan dengan cabaran dan risiko perubahan iklim, pencemaran alam sekitar, sekuriti makanan, pemesatan digital, sekuriti siber, polarisasi sosial dan kemiskinan, maka adalah mustahak untuk kita melakar masa depan yang lebih menjamin bagi generasi akan datang."*

Perubahan iklim sememangnya telah terbukti berlaku di Negara Brunei Darussalam (NBD). Menurut kajian daripada Jabatan Meteorologi Brunei Darussalam (BDMD), dalam tempoh 30 tahun akan datang, NBD berkemungkinan akan mengalami peningkatan suhu pada kadar 0.4 darjah celsius setiap dekad. Dari 2021 hingga 2051 pula, hujan diunjurkan meningkat 5.0 milimeter setahun. Unjuran ini akan memberi kesan kepada kesihatan penduduk dan sistem penjagaan kesihatan di negara ini.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia melaporkan bahawa 5 peratus daripada pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) adalah daripada sektor penjagaan kesihatan. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan

melalui Alliance for Transformative Action on Climate and Health (ATACH) komited terhadap Sistem Kesihatan Berdaya Tahan Iklim dan Sistem Kesihatan Lestari Rendah Karbon (Climate Resilient Health System and Low Carbon Sustainable Health System). Pada 26 September 2024, 'Climate, Health and Sustainability Taskforce' telah mengadakan bengkel Pertama Hospital 'GreenPossible' di Daerah Temburong. Bengkel ini merangkumi rangka kerja Operasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk membina sistem berdaya tahan iklim dan rendah karbon (WHO operational framework for building climate resilient and low carbon system), Matlamat Hospital Hijau dan Sihat Global (Global Green and Healthy Hospital) dan Protokol Hijau Brunei Darussalam.

Pelancaran inisiatif Kelestarian (Sustainability Initiative) yang diadakan pada hari ini menggariskan komitmen dan usaha Kementerian Kesihatan untuk mewujudkan sistem penjagaan kesihatan yang menitikberatkan budaya penjimatan seperti penggunaan tenaga, air, kertas, pengurusan sisa perubatan dan infrastruktur kepada semua kakitangan di kesemua hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan di NBD.

>> Muka 11

WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	HARI	RABIULAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	RABU	19	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
24	KHAMIS	20	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
25	JUMAAT	21	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.24	6.04	7.14
26	SABTU	22	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
27	AHAD	23	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
28	ISNIN	24	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
29	SELASA	25	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.13

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Bangar	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Tutong	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Kuala Belait	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 23 OKTOBER 2024

Tekad menyumbang capai Wawasan Brunei 2035

INOVASI akan terus menjadi teras utama dalam hala tuju Pelan Strategik Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB). Dengan pelancaran dan perkhidmatan yang baharu serta penambah baik produk yang sedia ada, Perbadanan TAIB akan dapat memenuhi keperluan pelanggan dengan lebih baik, melalui budaya kerja dan perkhidmatan yang telus, berakuntabiliti serta berhemah.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dalam ucapan khasnya pada Majlis Makan Malam Tahunan sempena Ulang Tahun Ke-33 Penubuhan Perbadanan TAIB di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, Jerudong baru-baru ini.

Yang Berhormat juga turut menekankan bahawa Perbadanan TAIB perlu juga bertekad untuk terus menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035 dan Rancangan Induk Ekonomi Digital negara melalui inovasi kewangan dan transformasi digital yang berterusan.

Jelas Yang Berhormat melalui projek-projek seperti kerjasama dengan National Digital Payment Network (NDPX), pembiayaan untuk Automac, sokongan terhadap industri akuakultur melalui projek Barramundi serta pembinaan Sekolah DES, adalah contoh-contoh nyata bagaimana Perbadanan TAIB membantu memperkukuhkan ekonomi digital dan menyokong pembangunan sosioekonomi negara.

Di samping itu, Perbadanan TAIB juga perlu terus mempertingkatkan kemampanan dengan mengintegrasikan amalan ESG (Environmental, Social, and Governance), termasuklah usaha-usaha atau projek yang diungkayahkan seperti inisiatif hijau, penanaman pokok dan program tanggungjawab sosial yang lain, dalam memastikan Perbadanan TAIB terus relevan dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan alam sekitar.

Yang Berhormat juga turut mengongsikan bahawa dalam tempoh 12 bulan yang lalu, Perbadanan TAIB telah mencapai pelbagai perubahan dan perkembangan yang berjaya memperkasakan kedudukannya sebagai institusi kewangan Islam yang dapat dipercayai.

Menerusi pengiktirafan melalui Anugerah Payment Initiatives of the Year dari Asian Banking & Finance dan persijilan Payment Card Industry Data Security Standard (PCI-DSS), membuktikan keberhasilan komitmen berterusan Perbadanan TAIB terhadap kecermerlangan dan kecekapan dengan semangat berdaya saing melalui inovasi demi meningkatkan perkhidmatan yang berkualiti lagi selamat.

Yang Berhormat turut mengingatkan setiap warga kerja Perbadanan TAIB agar sentiasa berpandukan nilai-nilai teras C.A.R.E.S (Customer, Amanah, Respect, Excellence, Solution) dalam tadbir urus, selain kepentingan mengamalkan akauntabiliti dan integriti dalam setiap aspek operasi demi memperkukuhkan lagi etika dan budaya kerja yang cemerlang.

Diharapkan Perbadanan TAIB akan dapat merealisasikan visi dan misi sebagai peneraju utama, dalam pembangunan kewangan Islam yang mampan, memberikan manfaat kepada masyarakat dan menyokong kemajuan negara. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Komited memperkukuh hubungan dua hala dalam pelbagai bidang



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang tadi berkenan menerima mengadap Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman.

Pada Majlis Mengadap berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama telah berbincang secara meluas mengenai hubungan dua hala yang berada di tahap yang sangat baik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik

Rakyat China, khususnya dalam bidang perdagangan dan pelaburan, tenaga, pertanian dan pertukaran rakyat dengan rakyat.

Menyentuh mengenai hal-hal serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan TYT juga bersetuju terhadap keperluan untuk bekerjasama lebih rapat demi kepentingan bersama kedua-dua buah negara.

Ini merupakan lawatan rasmi TYT ke NBD buat julung kalinya sejak dilantik sebagai Naib Presiden Republik Rakyat China, dan lawatan berkenaan akan mengesahkan kembali hubungan mesra dan rapat di antara kedua-dua buah negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng (kiri dan atas, kiri).

DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Alishahrin Haji Mumin



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan menerima mengadap Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng yang berlangsung di Qashr Al-Meezan (kiri). Manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia kemudian berangkat bersama Tuan Yang Terutama bagi Majlis Santap Tengah Hari. Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

BERAKAS, Selasa, 22 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) pagi tadi berkenan menerima mengadap Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng, yang berlangsung di Qashr Al-Meezan, di sini.

Selepas Majlis Mengadap tersebut, Duli Yang Teramat Mulia kemudian berangkat bersama Tuan Yang Terutama bagi Majlis Santap Tengah Hari.

Berangkat sama ke Majlis Santap Tengah Hari tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah delegasi Republik Rakyat China yang terdiri daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo; Vice Minister of Foreign Affairs, Tuan Yang Terutama Sun Weidong; Vice Minister of Agriculture and Rural Affairs, TYT Zhang Xingwang; Deputy International Trade Representative of the Ministry of

Commerce, Puan Yang Terutama Li Yongjie; Vice Minister of Culture and Tourism, Tuan Yang Terutama Zhang Zheng; Secretary General of the National Development and Reform Commission, Tuan Yang Terutama Wu Hao; Research Office, General Office of the CPC Central Committee, Mr. Lin Longbin, Director General; Ambassador, Ministry of Foreign Affairs, Ms. Yu Hong; dan Deputy Director General, Department of Press Communication and Public

Diplomacy, Ministry of Foreign Affairs, Mr. Hu Jian.

Juga hadir, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

DPMM FC TERUS CATAT KEMENANGAN

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

Foto : Mohd. Shahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Super Brunei 2024 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman (kiri dan kanan).

BERAKAS, Selasa, 22 Oktober. - DPMM FC menampilkan permainan cemerlang apabila berjaya menewaskan Indera SC dengan jaringan 2 - 0 pada Liga Super Brunei 2024 yang berlangsung malam tadi di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Turut menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang

Teramat Mulia, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim selaku Ketua Pasukan.

Gol pertama DPMM FC terhasil pada minit ke-9 yang dibuat oleh Sergio Mendiguchia Iglesias. Dengan jaringan berkenaan memberi semangat kesemua pemain dari Indera SC untuk membuat serangan balik sekali gus mendominasi perlawanan.

Pada minit ke-35, ketua pasukan Indera SC, Mohd. Hendra Azam Mohd. Idris membuat tendangan jarak jauh meluru ke gawang DPMM FC

namun dapat ditepis dengan mudah oleh penjaga gawang DPMM FC dan menghalang pasukan Indera SC untuk mendapatkan jaringan pada perlawanan babak pertama.

Bersambung pada babak kedua, kedua-dua pasukan silih berganti mengatur serangan untuk menjaringkan gol malah Indera SC lebih menguasai permainan perlawanan dengan berjaya membuat beberapa serangan bahaya, tetapi nasib tidak menyebelahi pasukan berkenaan untuk menghasilkan gol.

Kad kuning pertama

perlawanan telah dilayangkan kepada pemain Indera SC, iaitu Kashim Elisha Oluwasegun pada minit ke-52.

Namun, DPMM FC tidak memberi peluang kepada Indera SC apabila Sergio Mendiguchia Iglesias sekali lagi berjaya menggegarkan gawang pihak lawan pada minit ke-65 menjadikan kedudukan 2-0.

Sementara itu, pemain DPMM FC, iaitu Baktyiar Duishobekov dan Muhammad

Akram Waqeel Muhammad Bakri turut dilayangkan kad kuning selang beberapa minit selepas gol yang dijaringkan oleh rakan sepasukan mereka.

Kedudukan 2 - 0 kekal hingga wisel penamat dibunyikan sekali gus menambah tiga mata penuh buat DPMM FC.

Dengan kemenangan berkenaan, DPMM FC naik di tangga kedua, manakala Indera SC jatuh ke tangga keempat kedudukan liga.



MENYERTAI DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim selaku Ketua Pasukan (atas). Manakala gambar kiri, antara aksi pada perlawanan tersebut.



SEBAHAGIAN yang hadir menyaksikan perlawanan di antara DPMM FC menentang Indera SC pada Liga Super Brunei 2024 (atas dan kanan).



NAIB PRESIDEN REPUBLIK RAKYAT CHINA KUNJUNGI MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA



SEKITAR lawatan Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng berserta rombongan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja (atas, atas kiri dan bawah).

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Oktober. - Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng berserta rombongan petang tadi mengadakan lawatan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja, di ibu negara.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Muzium-Muzium, Jabatan Muzium-Muzium, Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad. Pada lawatan tersebut, TYT dan

rombongan diberikan penerangan pengenalan mengenai Bangunan Muzium Alat Kebesaran Diraja dan kemudian meninjau lebih dekat lagi ke galeri-galeri.

TYT antara lain berkesempatan melihat secara lebih dekat Galeri Pameran Alat-Alat Kebesaran Diraja (Perpuspaan, 1968), Galeri Pameran Diraja dan Galeri Pameran Jubli Perak.

TYT seterusnya menandatangani buku lawatan muzium tersebut.

Muzium Alat Kebesaran Diraja dibuka rasmi pada 30 September 1992 sempena Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta.



Kunjungan muhibah ke Pusat Sejarah Brunei



NAIB Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng semasa mengadakan lawatan kunjungan muhibah ke Pusat Sejarah Brunei (PSB) (atas, atas kanan dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Oktober. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) antara tempat yang sering menjadi tumpuan lawatan dan kunjungan orang ramai termasuklah pembesar-pembesar luar negara.

Sehubungan itu petang tadi, PSB menerima lawatan kunjungan muhibah daripada Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng sebagai sebahagian daripada program lawatan yang lebih meluas ke Negara Brunei Darussalam (NBD)

yang telah bermula dari 21 hingga 23 Oktober 2024.

Ketibaan Tuan Yang Terutama Han Zheng di pusat berkenaan dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Turut mengalu-alukan, Pemangku Pengetua PSB, Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah serta pegawai dan kakitangan Pusat berkenaan.

TYT Han Zheng serta

rombongan memulakan lawatan dengan mengunjungi galeri-galeri pameran PSB bermula dengan Dewan Pameran Salasilah; Galeri Koleksi Manuskrip Borneo; dan Galeri Sejarah Brunei Tua, sebelum menyelusuri Galeri Era Kegemilangan Brunei.

Antara yang menjadi tumpuan tarikan TYT dan rombongan ialah replika Prasasti 'Royal Bixi' yang terdapat di PSB yang mempunyai ukuran yang sama dengan yang ada di Makam Raja Boni di Nanjing, China.

Terdapat catatan diukir indah dan menarik yang menggambarkan bermulanya



hubungan diplomasi di antara Brunei dan China yang terletak di atas badan seekor kura-kura dikenali sebagai 'Royal Bixi'. Sebelum mengakhiri lawatan

TYT turut mengunjungi dan menandatangani buku lawatan di Galeri Perlembagaan dan seterusnya sesi bergambar ramai.

MPC TERIMA KUNJUNGAN NAIB PRESIDEN REPUBLIK RAKYAT CHINA



NAIB Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng semasa membuat kunjungan hormat ke Muara Port Company (MPC) sebagai sebahagian daripada program lawatan yang lebih meluas ke Negara Brunei Darussalam (NBD) yang telah bermula dari 21 hingga 23 Oktober 2024 (atas, kanan dan bawah kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

MUARA, Selasa, 22 Oktober. - Muara Port Company (MPC) hari ini menerima kunjungan hormat dari Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng, sebagai sebahagian daripada program lawatan yang lebih meluas ke Negara Brunei Darussalam (NBD) yang telah bermula dari 21 hingga 23 Oktober 2024.

Acara penting tersebut menandakan satu lagi langkah dalam kerjasama yang kukuh dan perkongsian yang semakin berkembang antara NBD dan Republik Rakyat China.

Ketibaan Tuan Yang Terutama Han Zheng di Terminal Pelabuhan Muara dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin,

selaku ahli Lembaga MPC, bersama Ketua Pegawai Eksekutif Beibu Gulf Holding (Brunei) Sdn. Bhd., dan Ketua Pegawai Kewangan MPC, serta pasukan pengurusan.

Para delegasi mengadakan perbincangan yang bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara NBD dan Republik Rakyat China, khususnya dalam bidang logistik, perdagangan dan operasi pelabuhan.

Semasa lawatan itu, TYT berpeluang melawat Terminal Kapal Pesiar, termasuk lawatan ke Galeri Kapal Pesiar, yang mempamerkan peranan strategik Pelabuhan Muara dalam sektor pelancongan dan maritim serantau.

TYT juga memerhatikan aspek operasi Terminal Pelabuhan Muara, memberikan beliau gambaran yang berharga tentang



infrastruktur logistik NBD yang semakin berkembang.

Setelah itu, TYT meneruskan lawatan ke gudang beras dan gula, dan menyaksikan demonstrasi sistem nitrogen yang baru diperkenalkan iaitu Sistem Pengurusan Kawalan Pengisian Nitrogen Pintar Mudah Alih (Mobile Intelligent Nitrogen Filling Control Management System), keluaran Guangxi Sinograin Storage Apparatus Science and Technology Co., Ltd.

Sistem berkenaan ditetapkan untuk meningkatkan penyimpanan dan pemeliharaan komoditi penting di negara ini.

Selain itu, sistem inovatif ini juga mencerminkan komitmen NBD untuk memastikan keselamatan makanan dan mengoptimalkan kecekapan operasi rantaian bekalannya.

Lawatan TYT itu menggariskan kepentingan kerjasama berterusan antara NBD dan Republik Rakyat China, dengan Pelabuhan Muara berfungsi sebagai hab



utama dalam usaha dua hala untuk meningkatkan ketersambungan ekonomi, perdagangan dan logistik.

Perkongsian ini bukan sahaja bermanfaat untuk pembangunan sektor maritim NBD tetapi juga sejajar dengan visi yang lebih luas kedua-dua negara untuk memupuk

kerjasama dan pembangunan serantau.

Kunjungan hormat itu menandakan satu peristiwa penting dalam pertumbuhan berterusan industri pelabuhan dan logistik NBD, kerana MPC terus komited untuk memajukan peranannya sebagai pelabuhan terkemuka di rantau ini.

Lawatan Rasmi Naib Presiden Republik Rakyat China ke NBD

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



BERAKAS, Isnin, 21 Oktober. - Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng serta rombongan tiba di negara ini bagi Lawatan Rasmi selama tiga hari bermula hari ini.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Naib Presiden Republik Rakyat China di Lapangan Terbang Antarabangsa

Brunei ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo; Setiausaha-setiausaha Tetap di

NAIB Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng serta rombongan tiba di negara ini bagi Lawatan Rasmi selama tiga hari. Hadir mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama ialah Yang Berhormat Menteri Pembangunan (kiri, kanan dan bawah kanan).



Jabatan Perdana Menteri dan Setiausaha-setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China menjalin hubungan diplomatik sejak 30 September 1991. Kedua-dua buah negara membentuk hubungan kerjasama strategik pada 5 April 2013.

Kedua-dua buah negara juga menikmati kerjasama dinamik dalam perdagangan dan pelaburan, tenaga, pertanian dan perikanan, pertahanan, pendidikan, perkhidmatan udara dan pelancongan, kesihatan serta pertukaran antara rakyat.



Mempertingkatkan peranan parlimen, tangani cabaran serantau

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Selasa, 22 Oktober. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, mengadakan kunjungan hormat dan mesyuarat dua hala secara berasingan bersama Speaker Parlimen Singapura, Tuan Yang Terutama Seah Kian Peng; Yang di-Pertua Dewan Rakyat Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul; dan Presiden Dewan Rakyat Thailand, Tuan Yang Terutama Wan Muhamad Noor Matha, semasa Perhimpunan Agung AIPA Ke-45.

Kunjungan berkenaan bertujuan untuk memperkukuh hubungan diplomatik dan parlimen serta membincangkan isu-isu yang menjadi kepentingan bersama di peringkat serantau.

Dalam pertemuan dengan Yang

Di Pertua Dewan Rakyat Malaysia, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN menyampaikan ucapan tahniah atas pelantikannya sebagai Presiden AIPA dan Negara Malaysia selaku Tuan Rumah Perhimpunan Agung AIPA bagi tahun 2025.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN menyatakan kesediaan Negara Brunei Darussalam untuk memberikan sokongan penuh dan menyentuh kerjasama pembangunan generasi muda melalui inisiatif seperti Program Parlimen Belia dan Program Pertukaran Pelajar. Kedua-dua pihak juga membincangkan pertukaran amalan terbaik dalam penambahbaikan Parlimen.

Sementara, kunjungan hormat bersama Speaker Parlimen Singapura dan Presiden Dewan Rakyat Thailand juga turut membincangkan usaha untuk memperkukuh kesalinghubungan serantau dan kolaborasi antara

parlimen Negara-negara ASEAN.

Perbincangan juga menekankan kepentingan untuk terus mempererat hubungan diplomatik, dengan fokus kepada pembangunan mampan, kerjasama ekonomi, dan inisiatif sosial yang dapat membawa manfaat kepada rakyat di rantau ini.

Kunjungan hormat dan mesyuarat dua hala berkenaan menggambarkan komitmen bersama dalam memperkukuh hubungan diplomatik serta mempertingkatkan peranan parlimen dalam menangani cabaran serantau melalui dialog dan kerjasama erat antara Negara-negara ASEAN.

Turut hadir semasa sesi kunjungan hormat dan mesyuarat dua hala berkenaan, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah; dan beberapa orang Ahli MMN.



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mengadakan kunjungan hormat semasa Perhimpunan Agung AIPA Ke-45.

MEWUJUDKAN ASEAN BERDAYA TAHAN, INOVATIF, BERPAKSIKAN RAKYAT

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Isnin, 21 Oktober. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menghadiri Perhimpunan Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly Ke-45 dihoskan oleh Dewan Rakyat Republik Demokratik Rakyat Lao (National Assembly of Lao PDR) yang diadakan pada 18 hingga 22 Oktober 2024, bertempat di National Convention Centre (NCC), Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao.

Rombongan Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib dan disertai 10 Ahli MMN.

Hadir sama ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah dan pegawai-pegawai dari Urusetia MMN.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar Titah Perutusan bagi Perhimpunan Agung AIPA Ke-45.

Dalam Titah Perutusan, baginda menekankan kepentingan tema Perhimpunan AIPA, yang selaras dengan tema ASEAN 'Enhancing Connectivity and Resilience' dalam meneruskan integrasi, perpaduan dan solidariti ASEAN.

Baginda turut menggariskan bahawa Visi Komuniti ASEAN adalah bagi mewujudkan ASEAN yang lebih berdaya tahan, inovatif dan berpaksikan rakyat, yang berfokuskan kepada pembangunan infrastruktur, pengurangan jurang pembangunan serta integrasi ekonomi dan pertukaran antara rakyat.

Baginda juga turut menekankan peranan penting parlimen



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara mengetuai rombongan Negara Brunei Darussalam (NBD) semasa menghadiri Perhimpunan Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly Ke-45 dihoskan oleh Dewan Rakyat Republik Demokratik Rakyat Lao (National Assembly of Lao PDR) yang diadakan pada 18 hingga 22 Oktober 2024, bertempat di National Convention Centre (NCC), Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao.

dalam menyokong dan membentuk Komuniti ASEAN yang berasaskan peraturan dan berteraskan rakyat. NBD kekal komited dalam menyokong usaha AIPA dan yakin bahawa peranan Ahli Parlimen AIPA akan terus menjadi komponen penting dalam memajukan kerjasama serantau untuk kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

Majlis Perasmian Perhimpunan Agung AIPA Ke-45 telah berlangsung pada 19 Oktober 2024 dan dibuka rasmi oleh Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Thongloun Sisoulith.

Dalam ucapan perasmiannya, Tuan Yang Terutama Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao menggariskan bahawa tema Perhimpunan Agung AIPA bertepatan dengan usaha ASEAN ke arah merealisasikan Visi Komuniti ASEAN 2025.

Tuan Yang Terutama turut menekankan bahawa AIPA mempunyai peranan penting dalam

kerjasama ASEAN melalui pengubalan undang-undang dan pengesahan perjanjian antarabangsa, yang akan sama-sama membantu membina Komuniti ASEAN yang lebih kuat, bersatu dan terbuka. TYT juga menekankan keperluan bagi mengurangkan jurang pembangunan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat di seluruh rantau.

Presiden Dewan Rakyat Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Xaysomphone Phomvihane juga selaku Presiden AIPA (President of the National Assembly of Lao PDR and President of AIPA) di dalam ucapturnya telah menegaskan Perhimpunan Agung AIPA adalah landasan penting untuk parlimen Negara-negara ASEAN membincangkan cabaran bersama, khususnya dalam konteks isu-isu kritikal serantau dan antarabangsa seperti perubahan iklim, krisis ekonomi dan ketidakstabilan keselamatan.

Tema perhimpunan adalah

selaras dengan usaha ASEAN untuk memperkukuh kesalinghubungan dan ketahanan dalam Sektor Pengangkutan, Telekomunikasi dan Tenaga demi memajukan perdagangan, pelaburan dan hubungan antara rakyat ASEAN.

TYT turut menekankan peranan penting parlimen dalam membina ekonomi yang kukuh dan saksama, serta memperkukuh hubungan ASEAN dengan rakan luarnya untuk memastikan kemajuan bersama.

Dalam kenyataan negara di Sidang Plenari Pertama, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN menekankan kepentingan tema Perhimpunan Agung AIPA Ke-45 yang sejajar dengan visi ASEAN Connectivity Masterplan 2025 dalam mencapai ASEAN yang saling terhubung dan berintegrasi, serta mempromosikan daya saing dan keterangkuman bagi memperkukuh semangat komuniti di ASEAN.

Yang Berhormat turut menegaskan bahawa parlimen

berperanan dalam menyokong pembangunan infrastruktur, memperkukuh jaringan digital, serta menghubungkan rakyat dan ekonomi ASEAN. Yang Berhormat juga menyatakan bahawa perhimpunan AIPA merupakan landasan penting untuk memperkukuh dialog dan kerjasama serantau, yang akan memberi manfaat kepada rakyat ASEAN dan memperkuat kedayatanaan serantau.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa dengan kesalinghubungan dan pertumbuhan inklusif, ASEAN akan menjadi lebih bersepadu dan mampu menawarkan peluang yang lebih luas kepada rakyatnya.

Perhimpunan Agung AIPA berlangsung selama lima hari dalam membincangkan pelbagai isu yang menjadi kepentingan dan keprihatinan bersama parlimen-parlimen negara ASEAN, di bawah Komiti Politik, Ekonomi, Sosial, Organisasi, Ahli Parlimen Wanita dan Ahli Parlimen Muda.

Teroka penjagaan kesihatan asasi transformatif



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Serantau bagi Rantau Pasifik Barat ke-75 (75th Regional Committee Meeting for the Western Pacific Region - WPR) yang berlangsung pada 21 hingga 25 Oktober 2024 di Manila, Republik Filipina (atas dan kiri).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Pada pembukaan mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham selaku Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Serantau bagi Rantau Pasifik Barat Ke-74, telah pun memberikan ucapan dan seterusnya melaporkan pencapaian sepanjang tempoh beliau mengengerusikan jawatankuasa tersebut.

Ini termasuk pelulusan Rangka Kerja Tindakan Keselamatan Kesihatan Asia Pasifik (APHSAF), yang mana, rangka kerja tersebut mempraktikkan pendekatan

pelbagai hala, ancaman dan sektor, serta menyatukan negara-negara, rakan kongsi dan pihak berkepentingan dalam tindakan kolektif untuk mengukuhkan kapasiti bagi memudahkan implementasi Peraturan-Peraturan Kesihatan Antarabangsa.

Mesyuarat tahunan ini membincangkan isu-isu kesihatan semasa, dasar-dasar, program-program dan hala tuju masa depan WHO bagi WPR, termasuk penelitian peruntukan program dan pelaksanaan projek-projek, pemantauan perkembangan isu-isu kesihatan dan projek-projek mengikut keutamaan serta penyelarasan kerja-kerja yang dijalankan di

rantau ini.

Pada Mesyuarat ke-75 pada tahun ini, isu-isu teknikal yang diketengahkan antara lain meneliti ketahanan kemudahan-kemudahan penjagaan kesihatan terhadap perubahan iklim, menerokai penjagaan kesihatan asasi yang transformatif, dan kaedah-kaedah dalam memperkukuh kesihatan oral.

Selain itu, isu dasar, pentadbiran dan pengurusan pembiayaan kesihatan dan kesihatan digital, serta penelitian laporan pelaksanaan peruntukan program tahun 2022 - 2023, dan peruntukan program tahun 2026 - 2027, dan laporan kemajuan bagi program-program teknikal yang lain juga dibentangkan.

Di mesyuarat berkenaan, Yang

Berhormat Menteri Kesihatan telah pun mengalu-alukan sokongan kepada visi Pengarah Serantau iaitu Weaving Health for Families, Communities and Societies in the Western Pacific Region, yang mana adalah selari dengan pelan strategi Kementerian Kesihatan yang baharu, dengan memfokuskan kepada kecemerlangan penjagaan kesihatan, pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit, dan perlindungan kesihatan awam.

Yang Berhormat mengesyorkan agar pihak WHO untuk meneruskan bekerjasama dan berterusan memberikan bantuan teknikal kepada negara-negara ahli.

Kementerian Kesihatan juga komited di dalam pembangunan tenaga kerja kesihatan ke arah

yang berkemahiran dan berkualiti, dan seterusnya mengalu-alukan isu kedayatahan dan kemampuhan iklim di dalam strategi lima tahun WHO rantau pasifik barat.

Semasa berada di Filipina, Yang Berhormat telah berkesempatan mengadakan perbincangan dua hala bersama Menteri Kesihatan Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, dan Setiausaha Kesihatan Republik Filipina, Yang Berhormat Dr. Teodoro Herbosa, khususnya bagi membincangkan serta bertukar pandangan mengenai perkembangan sektor kesihatan di negara masing-masing serta meninjau bagi pelaksanaan kerjasama dalam bidang kesihatan antara kedua buah negara.

MEMPERTINGKATKAN KESELAMATAN SIBER SERANTAU

REPUBLIK SINGAPURA, Isnin, 21 Oktober. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Menteri yang Bertanggungjawab bagi Keselamatan Siber telah mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Persidangan Menteri-menteri ASEAN mengenai Keselamatan Siber (AMCC) Ke-9 yang diadakan bersempena Minggu Siber Antarabangsa Singapura (SICW) Ke-9 bermula 14 hingga 17 Oktober 2024 di Republik Singapura.

SICW Ke-9 telah dirasmikan oleh Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean dengan membawakan tema 'Trust and Security in the Digital Era'.

Pada Pembukaan Pleno, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah mengambil bahagian sebagai ahli panel semasa Sesi Panel Peringkat Tinggi mengenai 'Global Digital Governance : Promise or Pipe Dream?'

Yang Berhormat juga berkongsi perspektif NBD dalam mengemudi kerumitan dasar digital global, menekankan kepentingan kerjasama antarabangsa dalam mencapai tadbir urus digital yang saksama dan inklusif. Yang Berhormat juga mengongsikan potensi risiko penyalahgunaan



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Menteri yang Bertanggungjawab bagi Keselamatan Siber telah mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Persidangan Menteri-menteri ASEAN mengenai Keselamatan Siber (AMCC) Ke-9 yang diadakan bersempena Minggu Siber Antarabangsa Singapura (SICW) Ke-9 bermula 14 hingga 17 Oktober 2024 di Republik Singapura.

dan percambahan teknologi digital yang tidak terkawal.

Manakala semasa AMCC Ke-9, yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Digital dan Maklumat dan Menteri yang Bertanggungjawab bagi Negara Pintar dan Keselamatan Siber, Singapura, Puan Yang Terutama Josephine Teo telah menyaksikan Menteri-menteri ASEAN melancarkan The ASEAN Regional Computer Emergency Response Team (CERT).

CERT Rantau ASEAN akan membolehkan penyelarasan tindak balas insiden keselamatan siber serantau yang lebih kukuh dan kerjasama perlindungan Critical

Information Infrastructure (CII), termasuk untuk CII rentas sempadan seperti perbankan, kewangan, komunikasi dan pengangkutan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menekankan bahawa pengoperasian CERT Rantau ASEAN sebagai langkah penting dalam usaha ASEAN untuk mengurangkan ancaman siber terutamanya dengan Negara-negara Anggota ASEAN berhadapan dengan ancaman siber yang semakin kompleks dan didayakan oleh Kecerdasan Buatan (AI).

Yang Berhormat juga

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi


menekankan kepentingan Pasukan Petugas CERT Rantau ASEAN dalam menyatukan usaha sedia ada menjadi *playbooks of good practices* untuk dikongsi di seluruh rantau ini. Pengajaran dan pengalaman yang diperoleh oleh Negara-negara Anggota ASEAN selama ini akan meningkatkan kapasiti dalam tindak balas insiden, pengurusan krisis dan pemulihan selepas insiden dengan ketara.

Insiden siber utama baru-baru ini telah memperkukuh keperluan untuk kerjasama yang lebih erat dalam kalangan Negara-negara

Anggota ASEAN, membolehkan tindak balas yang lebih cepat dan berkesan terhadap ancaman, terutamanya yang merentas sempadan.

Pendekatan kerjasama ini meliputi Critical Information Infrastructure Protection (CIIP), di mana mempromosikan CIIP dalam kalangan CERT negara akan membantu Negara-negara Anggota ASEAN memenuhi komitmen mereka di bawah Pelan Tindakan Serantau bagi melaksanakan norma siber yang selamat.

Perkukuh usaha keselamatan siber, hubungan dua hala



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

REPUBLIK SINGAPURA, Isnin, 21 Oktober. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selain menghadiri Persidangan Menteri-menteri ASEAN mengenai

Keselamatan Siber (AMCC) Ke-9 bersempena Minggu Siber Antarabangsa Singapura (SICW) Ke-9 turut mengadakan pertemuan dua hala dengan Menteri Digital untuk Malaysia, Tuan Yang Terutama Gobind Singh Deo dan Duta Besar Amerika Syarikat (AS)

untuk Ruang Siber dan Dasar Digital, AS, His Excellency Ambassador Nathaniel C. Fick dan delegasi dari Dewan Perniagaan AS.

Perbincangan tertumpu pada pertukaran pandangan dan amalan terbaik dalam keselamatan siber, dengan tumpuan kepada pembangunan serantau semasa, cabaran utama dan bidang

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika berucap pada sesi perbincangan Persidangan Menteri-menteri ASEAN mengenai Keselamatan Siber (AMCC) Ke-9 bersempena Minggu Siber Antarabangsa Singapura (SICW) Ke-9.

kepentingan bersama untuk mengukuhkan hubungan dua hala.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga mengetuai Lawatan Kerja Ahli Kebangsaan Keselamatan Siber ke Persidangan dan Pameran GovWare 2024 dan ke pejabat platform media sosial utama yang berpangkalan di Republik Singapura, termasuk Meta, Microsoft serta organisasi termasuk Open Government Product Singapore, Infocomm Media Development Authority (IMDA) dan pelbagai syarikat berkaitan keselamatan siber. Delegasi Jawatankuasa Kebangsaan

Keselamatan Siber turut berkesempatan melawat Pusat Anti-Scam Singapura.

Lawatan ini tertumpu pada mewujudkan kerjasama, meningkatkan kapasiti, mengukuhkan amalan terbaik dan menangani isu kritikal seperti penipuan dalam talian, penipuan dan ancaman keselamatan siber.

Mengiringi Yang Berhormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Pesuruhjaya Interim Keselamatan Siber Brunei (CSB), Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis dan pegawai kanan dari MTIC.

Bagi Lawatan Kerja itu, mereka disertai oleh anggota dan wakil Jawatankuasa Kebangsaan Keselamatan Siber terdiri daripada pegawai-pegawai dari Jabatan Perdana Menteri, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan CSB.

SUMBANGAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa bergambar ramai bersama Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU) yang berlangsung di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kebudayaan, Belia dan Sukan petang tadi.

Sumbangan derma tersebut telah disampaikan oleh Yang Dipertua PENJURU, Datin Paduka Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah, yang berjumlah BND22,884.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Oktober. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad telah menerima sumbangan daripada Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU) bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 bertempat di bangunan Kementerian

Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan daripada seluruh pegawai dan kakitangan hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan di seluruh daerah melalui kempen kutipan derma yang dijalankan oleh Ahli-ahli PENJURU.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Siti Zaharah binti Haji Abdul Razak, pegawai dari Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Ahli-ahli PENJURU.

Mangsa bencana terima bantuan kewangan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir dan seterusnya menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Oktober. - Seramai 19 orang ketua keluarga yang terlibat

dalam kejadian kebakaran, angin kencang, rumah tidak selamat dan rumah roboh telah menerima

bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Majlis berlangsung di Dewan Citra Budaya, KKBS.

Seramai enam orang ketua keluarga daripada 19 yang menerima bantuan kewangan hari ini adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian kebakaran; dua ketua keluarga terlibat dalam kejadian rumah roboh; dua ketua keluarga terlibat dalam kejadian rumah tidak selamat; dan sembilan orang ketua keluarga yang terlibat dengan kejadian angin kencang.

Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan



Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Pemberian bantuan kewangan tersebut adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana

demikian kesejahteraan mereka sekeluarga.

Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

KESIHATAN FIZIKAL, MENTAL ADALAH ANUGERAH ALLAH WAJIB DISYUKURI

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Peguam Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Daerah-daerah sempena Majlis Ilmu 2024 bagi Daerah Tutong (kanan). Manakala gambar atas, para ahli panel semasa menyampaikan pembentangan masing-masing.



TUTONG, Selasa, 22 Oktober. - Forum Daerah-daerah sempena Majlis Ilmu 2024 bagi Daerah Tutong yang membincangkan skop hubungan teknologi dan kesihatan mental berlangsung pagi tadi di Dewan Ma'had Islam Brunei, Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib.

Dengan tajuk #SharingPositivity

#AntiSocial', forum berkenaan dipengerusikan oleh Pegawai Agama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Mohammad Nasyith bin Superi, bersama Penolong Kaunselor, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Fariszal bin Ali; Penolong Profesor, Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman; dan Pegawai Psikologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Pengiran Salimatul Sa'ada binti Pengiran Mohd. Salleh, selaku ahli-ahli panel pertama, kedua dan ketiga.

Dengan terciptanya teknologi canggih pada zaman serba moden ini adalah bukti rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada makhluknya, dan pelbagai urusan

dalam kehidupan dapat dipermudahkan memandangkan segala aktiviti zaman sekarang sentiasa berkait rapat dengan penggunaan teknologi.

Ahli-ahli panel masing-masing menyampaikan pengisian yang menjurus kepada kesederhanaan dalam menggunakan teknologi dan media sosial, bagi menjaga kesejahteraan mental dari segi keperluan, masa untuk beribadah dan kesedaran diri yang kuat semasa berinteraksi di dalam talian.

Panel pertama mengongsikan bahawa teknologi yang saban hari dikemas kini bukanlah suatu keperluan untuk seorang individu berhutang sehingga membebankan kehidupannya, malah hingga menjejaskan kesihatan mental. Oleh itu, hendaklah bijak berbelanja dan fokus kepada keperluan sebenar.

Manakala panel kedua pula menjelaskan pengguna media sosial juga hendaklah mempunyai garis panduan yang berpaksikan kepada pengajaran agama Islam, iaitu mematuhi syarak, digunakan sebagai medium yang memberi manfaat kepada orang lain, dan yang dapat mendekatkan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sementara panel ketiga yang juga merupakan seorang pengengaruh (influencer) tempatan, memberi beberapa nasihat agar kesihatan mental seseorang itu terjaga. Pada masa kini, ramai anak muda suka berkecimpung untuk menjadi pengengaruh media sosial, ataupun content creator.

Antaranya, perlu memiliki kesedaran yang kuat dalam diri, terutamanya ketika menerima



kritikan atau kecaman; memperbetulkan niat, iaitu untuk menyampaikan kebaikan kepada masyarakat kerana Allah Subhanahu Wata'ala; dan juga mengehadkan interaksi dan berwaspada apabila berhubungan dengan orang yang tidak dikenali semasa berada di alam maya.

Pengisian forum berkenaan bertepatan dengan tema Majlis Ilmu tahun ini, iaitu 'Menangani Gejala Mental' yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, pemahaman, serta mendorong tindakan proaktif dalam menghadapi cabaran kesihatan mental dalam masyarakat.

Mental yang sihat juga mampu membantu keupayaan seseorang untuk menguruskan emosi, menjalani, menghargai dan menikmati kehidupan dengan cara yang positif, produktif dan seimbang.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pengerusi Bersama, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan, para jemputan khas, penduduk kampung di Daerah Tutong, Majlis Perundingan Kampung, belia-belia masjid, Muslimah, pihak swasta, penuntut dari Institut Pengajian Tinggi dan persatuan-persatuan.

Ceramah terakhir akan disampaikan di Daerah Belait oleh Profesor Kunjungan, Fakulti Usuluddin UNISSA, Profesor Dr. Ustaz Abdul Somad Batubara pada Khamis, 24 Oktober 2024 bertempat di Dewan Pusat Insani, Seria.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila kunjungi laman sesawang Majlis Ilmu di www.majlisilmu.gov.bn.



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), di Jabatan Perdana Menteri dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-79 dan Hubungan Diplomatik antara NBD dan Republik Indonesia Ke-40.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin bin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Oktober. - Dalam meraikan 40 tahun hubungan diplomatik antara Republik Indonesia dan Negara Brunei Darussalam (NBD) pada tahun ini, hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara memperoleh pencapaian baharu, yang diketengahkan melalui acara-acara penting dan kerjasama yang semakin kukuh, membuktikan perkongsian teguh dan dinamik.

Perkara demikian dijelaskan oleh Chargé d'Affaires ad interim of the Indonesian Embassy, Irwan Iding semasa Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-79 dan Hubungan Diplomatik antara NBD dan Republik Indonesia

Ke-40 yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Sementara itu, antara 2018 dan 2022 tambahnya, perdagangan antara Republik Indonesia dan NBD meningkat setiap tahun dengan jumlah perdagangan dua hala hampir mencecah USD1 bilion pada 2022.

Tahun lepas jelasnya lagi, jumlah perdagangan kedua-dua negara mengalami penurunan, tetapi tahun ini dijangka akan meningkat lagi dan data menunjukkan bahawa jumlah perdagangan dalam tujuh bulan pertama tahun ini meningkat daripada tempoh yang sama tahun lepas.

Tahun ini katanya lagi, hubungan udara diperkukuh dengan

NBD - Republik Indonesia terus memperkukuh hubungan dua hala

pembukaan laluan penerbangan baharu antara Jakarta dan Bandar Seri Begawan yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan Indonesia Air Asia dan kita berharap laluan penerbangan baharu berkenaan akan meningkatkan kerjasama perdagangan dan pelancongan kedua-dua negara.

"Satu lagi bukti yang menunjukkan kerjasama erat dan menguntungkan antara kedua-dua negara adalah dalam bidang pendidikan.

"Sejak saya berada di NBD, saya melihat lebih daripada 30 delegasi dari universiti-universiti Indonesia, iaitu rektor, pensyarah, pelajar datang ke negara ini untuk menjalankan pelbagai kerjasama, termasuk pertukaran pelajar, pertukaran pensyarah, penyelidikan bersama, seminar bersama, dan banyak lagi. Begitu juga, delegasi dari kampus Brunei juga telah melawat Indonesia," ujarnya lagi.

Beliau yakin bahawa NBD dan Republik Indonesia akan memperoleh lebih banyak dalam bidang pendidikan pada masa hadapan.

Dalam sektor pertahanan tambahnya lagi, kerjasama kita

sangat baik dengan kedua-dua negara mempunyai Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama pertahanan yang menyumbang kepada pengukuhan kerjasama pertahanan.

Tahun depan katanya, kedua-dua negara akan melaksanakan latihan bersama untuk kali pertama dengan latihan bersama berkenaan akan melibatkan tiga angkatan tentera, iaitu tentera darat, tentera laut, dan tentera udara dan akan diadakan di NBD secara besar-besaran di bawah nama latihan Wira Nusantara.

Mengenai dengan kerjasama buruh, beliau merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas bantuan yang tidak ternilai dalam menangani isu yang dihadapi oleh para pekerja Indonesia dan percaya dengan sokongan yang berterusan, kita akan melihat penurunan dalam jumlah kes yang dihadapi oleh para pekerja pada tahun-tahun akan datang.

"Republik Indonesia dan NBD sedang dalam proses melaksanakan satu pintu perkhidmatan atau Sistem Satu Saluran Untuk Pekerja Migran

Indonesia ke Brunei Darussalam.

"Sistem ini akan memudahkan, menjimatkan kos dan mempercepatkan proses pengambilan pekerja migran Indonesia. Kami berharap proses rundingan untuk menubuhkan Sistem Satu Saluran ini dapat diselesaikan tahun ini," ujarnya.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia; dan isteri, Datin Hajah Zubaidah binti Haji Mahmud.

Resepsi Makan Malam berkenaan dimulakan dengan Lagu Kebangsaan NBD dan disusuli dengan Lagu Kebangsaan Republik Indonesia.

Pada majlis berkenaan, Yang Mulia Timbalan Menteri di JPM dan Chargé d'Affaires ad interim of the Indonesian Embassy, juga memotong kek Ulang Tahun Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-79 dan Hubungan Diplomatik antara NBD dan Republik Indonesia Ke-40.

TVET MEMACU EKONOMI, MASYARAKAT BERDAYA TAHAN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

GADONG, Selasa, 22 Oktober. - Dalam landskap global yang berubah dengan pantas pada hari ini, Pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam membina ekonomi dan masyarakat yang berdaya tahan.

Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad berkata, pada masa ini, kita berada dalam Revolusi Perindustrian Keempat dan peralihan ke arah ekonomi yang lebih hijau dan mampan ini, permintaan untuk pekerja yang berkemahiran menjadi lebih penting.

"TVET mempunyai kedudukan yang unik bagi melengkapkan individu dengan kemahiran teknikal, kecekapan dan minda yang diperlukan untuk berkembang maju dalam persekitaran yang mengalami perubahan berterusan ini," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Mesyuarat Lembaga Pengelola Pusat Serantau

SEAMEO VOCTECH Ke-35 yang berlangsung di pusat berkenaan, di sini.

Menurutnya, salah satu transformasi utama yang memberi kesan kepada dunia pekerjaan hari ini ialah peningkatan integrasi teknologi digital di mana automasi, kecerdasan buatan dan Internet of Things sedang membentuk semula industri dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya.

Justeru tambahnya, TVET mesti menumpukan bukan sahaja pada penyediaan kemahiran teknikal tradisional tetapi juga pada penyediaan pelajar untuk menavigasi kerumitan alat dan teknologi digital, dan SEAMEO VOCTECH boleh terus memainkan peranan penting dalam hal berkenaan dengan terus mendahului trend dan teknologi yang muncul, menawarkan program latihan yang menggabungkan celik digital, pembuatan keputusan dipacu data dan kecekapan industri 4.0.

"Dengan memupuk perkongsian dengan industri yang menerajui transformasi digital ini, Pusat boleh

memastikan program latihannya kekal relevan dengan aplikasi dunia sebenar," ujar beliau.

Selari dengan kemajuan teknologi, katanya, pergerakan global ke arah kemampanan mendorong keperluan untuk kemahiran hijau yang menyokong pemeliharaan alam sekitar, kecekapan tenaga dan pembangunan mampan.

Beliau menggesa Institusi TVET mesti menyepadukan kecekapan ini ke dalam kurikulum mereka untuk menyediakan tenaga kerja bagi pekerjaan hijau, yang berkembang pesat dalam sektor seperti tenaga boleh diperbaharui, pertanian dan alam sekitar serta pemuliharaan.

Peranan SEAMEO VOCTECH dalam domain ini tambahnya lagi, adalah untuk memperkasakan institusi TVET di seluruh rantau untuk menerapkan kemampanan dalam program mereka.

"Melalui penyelidikan, perkongsian pengetahuan, dan inisiatif kolaboratif, pusat boleh menggalakkan pembangunan kemahiran hijau, memastikan TVET kekal sebagai penyumbang penting kepada masa hadapan yang lebih mampan," jelasnya.

Dr. Haji Azman juga menambah, satu lagi peranan utama TVET dalam dunia adalah untuk memupuk inklusiviti dengan memastikan peluang pendidikan dan latihan boleh diakses oleh semua orang tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, jantina atau lokasi geografi.

"Memandangkan jurang ekonomi dan ketidaksetaraan masih berterusan, TVET berpotensi untuk merapatkan jurang, menyediakan kumpulan terpinggir kemahiran yang diperlukan untuk mengambil bahagian dalam tenaga kerja dan menambah baik kehidupan mereka. Justeru SEAMEO VOCTECH boleh memperjuangkan TVET inklusif dengan menyokong dasar dan inisiatif yang menggalakkan akses sama rata kepada pendidikan dan latihan berkualiti," terangnya.

Terdahulu, Dr. Haji Azman berkata SEAMEO VOCTECH terus berinovasi dan kekal relevan dalam mengharungi era ekonomi, industri dan teknologi yang berubah pantas.

Jelasnya, tumpuan Pusat pada tema Pelan Pembangunan Lima Tahun Ke-7, "TVET Inklusif untuk Masa Depan Mampan dan Digital"



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan ketika berucap.

mencerminkan keperluan untuk berfikir ke hadapan dan tindakan.

"Ia mengingatkan kita mengenai kepentingan inklusiviti dan kemampanan, di samping mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh teknologi digital dalam membentuk masa depan TVET," katanya.

Kongsi amalan terbaik ke arah memajukan TVET



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan selaku tetamu kehormat pada majlis perasmian Mesyuarat Lembaga Pengelola Ke-35.

GADONG, Selasa, 22 Oktober. - Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH memulakan Mesyuarat Lembaga Pengelola Ke-35 pada majlis perasmian yang berlangsung pagi tadi di pusat berkenaan.

Perasmian mesyuarat tersebut disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad selaku tetamu kehormat majlis.

Mesyuarat itu dihadiri oleh

pemimpin-pemimpin pendidikan serantau terkemuka.

Antara yang hadir ialah Sekretariat Ex-Officio SEAMEO, Pintip Iamirath; Pengerusi Lembaga Pengelola SEAMEO VOCTECH, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli; Pengarah Pusat, Haji Norjeme bin Jenek; serta Ahli-ahli Lembaga Pengelola juga pihak pengurusan dan kakitangan SEAMEO VOCTECH.

Mesyuarat Lembaga Pengelola ialah forum bagi SEAMEO

VOCTECH membentangkan pencapaian dan perkembangan penting pusat tersebut dari tahun 2023 hingga 2024, di samping bertujuan bagi menggariskan inisiatif strategik untuk tahun fiskal yang akan datang.

Pihak lembaga menyepak dan membincangkan kertas-kertas kerja yang dikategorikan kepada perkara-perkara untuk pengakuan, kelulusan, pertimbangan dan maklumat.

Perbincangan ini adalah penting untuk memastikan ahli-ahli Lembaga Pengelola serba lengkap bagi membimbing hala tuju strategik pusat dan menyelia operasinya dengan berkesan.

Bersempena dengan Mesyuarat Lembaga Pengelola berkenaan juga, SEAMEO VOCTECH akan menganjurkan Sesi Perkongsian pada 23 Oktober 2024, di bawah tema 'TVET Inklusif untuk Masa Depan Hijau dan Digital'.

Tema tersebut menekankan kepentingan mengintegrasikan kemampanan dan inovasi digital dalam landskap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang mencerminkan keperluan yang semakin meningkat untuk kemahiran dalam industri yang berkembang pesat hari ini.

Sesi berkenaan akan menyediakan platform bagi negara anggota dan rakan kongsi

SEAMEO untuk bertukar pandangan, berkongsi amalan terbaik dan meneroka peluang kerjasama bagi memajukan TVET di seluruh rantau ini.

Mesyuarat yang diadakan setiap bulan Oktober ini menghimpunkan Ahli-ahli Lembaga Pengelola SEAMEO VOCTECH untuk memastikan bahawa sumbangan pusat sejajar dengan matlamat pembangunan

pendidikan yang lebih luas di rantau ini dan keutamaan strategik SEAMEO.

Mesyuarat berkenaan kekal sebagai asas kerjasama serantau, inovasi dan kemajuan dalam TVET yang menggariskan komitmen SEAMEO VOCTECH untuk menggalakkan pertumbuhan yang mampan, inklusif melalui pendidikan dan pembangunan kemahiran.

HALUAN

>> Muka 2

Alhamdulillah, semenjak penggunaan sistem BruHealth, Kementerian Kesihatan dapat mengurangkan 1.5 juta penggunaan kertas yang bersamaan dengan 3,750 kilogram (kg) karbon setiap tahun. Penggunaan BruHealth untuk perkhidmatan telekonsultasi, tempah temu janji secara *online* juga dapat mengurangkan penggunaan kertas dan penggunaan kereta untuk hadir ke pusat Kesihatan yang mana mengurangkan kira-kira 5 ke 10kg pelepasan karbon. Selain itu, penggunaan teknologi pengimejan perubatan digital (Picture Archiving and Communication System (PACS)) juga dapat mengurangkan pemprosesan filem dan imbasan berulang yang bersamaan dengan 15kg pelepasan karbon bagi setiap pesakit. Walau bagaimanapun, anggaran sisa klinikal bagi Kementerian Kesihatan dalam masa setahun adalah sebanyak 1,030 tan iaitu bersamaan dengan BND1.8 juta kos penghapusan. Kementerian Kesihatan berhasrat untuk mengurangkan sisa klinikal ini sebanyak 30 peratus dalam masa 5 tahun.

Di kesempatan ini, Kementerian Kesihatan berharap akan lebih ramai lagi yang akan memahami dan mengambil bahagian untuk membuat perubahan demi untuk mengurangkan kesan negatif daripada perubahan iklim yang memudaratkan kesihatan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya atas sokongan daripada warga Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi lain, Institut Pengajian Tinggi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang turut komited untuk membina daya tahan dan meningkatkan kesedaran mengenai kesan perubahan iklim.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa penganjur serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan inisiatif kelestarian Kementerian Kesihatan (Sustainability Initiative) pada pagi ini. Semoga segala usaha dan sumbangan yang murni dan ikhlas akan mendapat rahmat dan ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. *Aamin Aamin Ya Rabbal Alamin.*

Dengan kalimah *Bismillahi Rahmani Rahim*, selawat serta salam ke atas junjungan Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, saya dengan ini melancarkan 'Inisiatif Kelestarian Kementerian Kesihatan 2024'.

Se kian. *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



SEKITAR majlis perasmian Mesyuarat Lembaga Pengelola Ke-35.

Menjamak Sembahyang Fardhu Jumaat Dengan Asar

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ORANG yang dalam safar tidak diwajibkan mengerjakan sembahyang fardhu Jumaat kerana salah satu syarat wajib Jumaat ialah bermuqim (menetap) melainkan dia memulakan safar pada hari Jumaat selepas terbit fajar. Meskipun demikian, musafir pada hari Jumaat itu tetap mendapat *rukhsah* menjamak dua sembahyang fardhu sama ada dia musafir yang diwajibkan mengerjakan sembahyang fardhu Jumaat ataupun dia musafir yang tidak diwajibkan mengerjakan sembahyang fardhu Jumaat, asalkan dia memenuhi syarat-syarat tertentu. Hal ini kerana safar adalah salah satu sebab yang mengharuskan seseorang itu untuk menjamak sembahyang.

Musafir yang tidak diwajibkan mengerjakan sembahyang fardhu Jumaat boleh memilih antara mengerjakan sembahyang fardhu Jumaat atau mengerjakan sembahyang fardhu Zuhur. Sekiranya dia memilih untuk mengerjakan sembahyang fardhu Zuhur, maka dia harus menjamak sembahyang fardhu Zuhur tersebut dengan sembahyang fardhu Asar secara jamak *taqdim* atau jamak *ta'khir*. Akan tetapi jika dia memilih untuk mengerjakan sembahyang fardhu Jumaat, adakah dia boleh menjamak sembahyang fardhu Jumaat itu dengan sembahyang fardhu Asar secara jamak *taqdim* atau jamak *ta'khir*? Maka Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenainya.

Hukum menjamak sembahyang fardhu Jumaat dengan Asar adalah harus. Walau bagaimanapun, sembahyang jamak fardhu Jumaat dengan Asar itu hanya boleh dikerjakan secara jamak *taqdim* sahaja dan tidak boleh dikerjakan secara jamak *ta'khir* kerana sembahyang fardhu Jumaat itu tidak tertunai jika dikerjakan di luar dari waktunya. Hal ini sebagaimana kata asy-Syaikh Zakariyya al-Anshari *Rahimahullah* dalam kitabnya *Asna al-Mathalib*:

Ertinya: Dan harus menjamak (sembahyang fardhu) Jumaat dengan Asar secara (jamak) *taqdim* sebagaimana yang dinukilkan oleh az-Zarkasyi dan di'itimadkan olehnya sepertimana (harus) menjamak kedua-duanya (sembahyang fardhu Jumaat dengan Asar) kerana hujan, bahkan lebih utama (menjamak kedua-duanya) dan ditegah (menjamak

"OLEH kerana cara melaksanakan sembahyang jamak fardhu Jumaat dengan Asar itu sama seperti cara melaksanakan sembahyang jamak fardhu Zuhur dengan Asar secara jamak taqdim, maka musafir yang menjamak sembahyang fardhu Jumaat dengan Asar itu hendaklah mengerjakan kedua-duanya dalam waktu Zuhur sahaja."

kedua-duanya) secara (jamak) *ta'khir*; kerana sesungguhnya (sembahyang fardhu) Jumaat itu tidak tertunai (dengan) mengakhirkannya (mengerjakannya di luar) dari waktunya.

Cara melaksanakan sembahyang jamak fardhu Jumaat dengan Asar itu sama seperti cara melaksanakan sembahyang jamak fardhu Zuhur dengan Asar secara jamak *taqdim* sebagaimana kata asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Iqna' fi Hall Alfazh Abi Syuja':

Ertinya: Dan harus bagi musafir (dalam) pelayaran (yang membolehkan sembahyang) qasar untuk menjamak antara dua sembahyang Zuhur dan Asar pada mana-mana waktu yang dia kehendaki (sama ada secara) *taqdim* atau *ta'khir* dan (begitu juga) menjamak antara dua sembahyang Maghrib dan Isya' pada mana-mana waktu yang dia kehendaki (sama ada secara) *taqdim* atau *ta'khir*. Dan (sembahyang fardhu) Jumaat adalah seperti (sembahyang fardhu) Zuhur dalam (perkara) jamak *taqdim*.

Oleh kerana cara melaksanakan sembahyang jamak fardhu Jumaat dengan Asar itu sama seperti cara melaksanakan sembahyang jamak fardhu Zuhur dengan Asar secara jamak *taqdim*, maka musafir yang menjamak sembahyang fardhu Jumaat dengan Asar itu hendaklah mengerjakan kedua-duanya dalam waktu Zuhur sahaja.

Contoh lafaz niat sembahyang fardhu Jumaat dan juga Asar yang dijamak secara jamak *taqdim* itu ialah:

(i) Contoh lafaz niat sembahyang jamak fardhu Jumaat:

أَصَلِّيَ فَرَضَ الْجُمُعَةِ رَكَعَتَيْنِ مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الْعَصْرِ جَمْعَ تَقْدِيمٍ أَدَاءً مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku sembahyang fardhu Jumaat dua rakaat, dihimpunkan kepadanya (sembahyang fardhu) Asar, jamak *taqdim*, tunai mengikut imam kerana

Allah Ta'ala.

(ii) Contoh lafaz niat sembahyang jamak

أَصَلِّيَ فَرَضَ الْعَصْرِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَى الْجُمُعَةِ جَمْعَ تَقْدِيمٍ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

fardhu Asar:

Ertinya: Sahaja aku sembahyang fardhu Asar empat rakaat, dihimpunkan kepada (sembahyang fardhu) Jumaat, jamak *taqdim*, tunai kerana Allah Ta'ala.

Di samping itu, musafir yang menjamak sembahyang fardhu Jumaat dengan Asar tersebut hendaklah memenuhi syarat-syarat jamak *taqdim* yang berikut:

1. Mengerjakan dua sembahyang yang dijamak secara tertib.


Musafir yang menjamak sembahyang fardhu Jumaat dengan Asar hendaklah mengerjakan sembahyang fardhu Jumaat terlebih dahulu, kemudian diikuti dengan mengerjakan sembahyang fardhu Asar. Sekiranya dia mendahulukan sembahyang fardhu Asar daripada sembahyang fardhu Jumaat, maka tidak sah sembahyang fardhu Asar yang dikerjakannya itu, bahkan wajib dia mengulang semula sembahyang fardhu Asar tersebut selepas mengerjakan sembahyang fardhu Jumaat jika dia tetap ingin menjamak kedua-duanya.

2. Berniat untuk menjamak sembahyang.

Niat menjamak sembahyang adalah niat untuk menghimpunkan dua sembahyang fardhu. Musafir yang hendak menjamak sembahyang fardhu Jumaat dengan Asar secara jamak *taqdim* disyaratkan untuk menghadirkan niat menjamak sembahyang secara jamak *taqdim* dalam sembahyang fardhu Jumaat. Waktu yang *afdhal* untuk berniat menjamak sembahyang itu adalah ketika melakukan takbiratulihram sembahyang fardhu Jumaat dengan lafaz niat seperti yang telah disebut di atas.

Sekiranya musafir tersebut tidak berniat menjamak sembahyang ketika melakukan takbiratulihram sembahyang fardhu Jumaat contohnya kerana dia terlupa atau belum ada kemahuan untuk menjamak sembahyang, kemudian selepas melakukan takbiratulihram sembahyang fardhu Jumaat dia teringat untuk menjamak sembahyang atau timbul kemahuan untuk menjamak sembahyang, maka harus dia berniat menjamak sembahyang fardhu Jumaat dengan Asar itu pada bila-bila masa sepanjang mengerjakan sembahyang fardhu Jumaat sebelum selesai salam yang pertama sembahyang fardhu Jumaat tersebut. Niat menjamak sembahyang itu memadai dengan lintasan di dalam hati untuk menjamak sembahyang fardhu Asar kepada sembahyang fardhu Jumaat.

3. Mengerjakan dua sembahyang yang dijamak secara *muwalah* (موالاة).



IRSYAD HUKUM

جَانِبٌ مِّنْ فِي كَرِجَانِ
جَانِبٌ مِّنْ فِي كَرِجَانِ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

Muwalah bermaksud berturut-turut dan dalam konteks sembahyang jamak, *muwalah* bermaksud tidak memisahkan antara dua sembahyang fardhu yang dijamak dengan tempoh waktu yang panjang sekalipun kerana uzur seperti gila, lalai atau pengsan.

Kadar waktu yang panjang itu dinilai mengikut 'urf (adat atau kebiasaan). Hal ini kerana tidak ada ukuran tertentu bagi kadar waktu yang panjang atau pendek itu dalam syara' mahupun bahasa. Walau bagaimanapun, Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj dan Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj ada menyebut bahawa waktu yang dikira panjang itu adalah kadar waktu mengerjakan sembahyang dua rakaat yang paling ringkas.

Jika sembahyang fardhu Jumaat itu dipisahkan dengan sembahyang fardhu Asar dengan tempoh waktu yang panjang sekira-kira kadar waktu mengerjakan sembahyang dua rakaat yang paling ringkas, maka tidak ada lagi *rukhsah* (keringanan) untuk dia menjamak sembahyang fardhu Asar kepada sembahyang fardhu Jumaat, bahkan wajib dia mengerjakan sembahyang fardhu Asar tersebut dalam waktunya kerana telah luput salah satu syarat jamak, iaitu *muwalah*.

4. Berkekalan safar sehingga selesai menyempurnakan takbiratulihram bagi sembahyang yang kedua.

Safar bagi musafir yang ingin menjamak sembahyang fardhu Jumaat dengan Asar hendaklah berkekalan sehingga selesai menyempurnakan takbiratulihram bagi sembahyang fardhu Asar. Sekiranya musafir itu berniat untuk bermuqim sebelum mengerjakan sembahyang fardhu Asar seperti dia berniat untuk menetap di tempat dia berada ketika itu empat hari tidak termasuk hari datang dan balik, maka terbatal *rukhsah* (keringanan) untuk dia menjamak sembahyang fardhu Asar kepada sembahyang fardhu Jumaat, bahkan wajib dia mengerjakan sembahyang fardhu Asar tersebut dalam waktunya. Walau bagaimanapun, sembahyang fardhu Jumaat yang telah dikerjakannya dengan niat jamak adalah sah.

Jika musafir tersebut menjadi bermuqim setelah melakukan takbiratulihram sembahyang fardhu Asar atau sesudah dia selesai mengerjakan sembahyang fardhu Asar, maka sah jamak sembahyang fardhu Jumaat dengan Asar tersebut.

Demikian penjelasan mengenai menjamak sembahyang fardhu Jumaat dengan Asar.

"MUWALAH bermaksud berturut-turut dan dalam konteks sembahyang jamak, muwalah bermaksud tidak memisahkan antara dua sembahyang fardhu yang dijamak dengan tempoh waktu yang panjang sekalipun kerana uzur seperti gila, lalai atau pengsan."

KEPENTINGAN SIFAT KEPIMPINAN DITEKANKAN, KERJASAMA TEGUH MEMBAWA KEJAYAAN



Siaran Akhbar dan Foto: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Oktober. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan menganjurkan Majlis Apresiasi Nadi Al-Qawi Al-Amin yang berlangsung di Dewan Tarbiah, kolej universiti

berkenaan. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, yang seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah-anugerah Belia Cemerlang KUPU SB. Dalam ucapan, tetamu kehormat

menghuraikan mengenai kepentingan sifat kepimpinan yang teguh, komitmen yang tidak berbelah bahagi, semangat baharu dan idea-idea kreatif serta inovatif secara pra-syarat untuk terus berkembang dan mencapai kejayaan. Kejayaan sesebuah Nadi jelas beliau sangat bergantung kepada kerjasama dan komitmen yang erat daripada setiap ahli jawatankuasa.

RA'ES KUPU SB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Apresiasi Nadi Al-Qawi Al-Amin yang berlangsung di Dewan Tarbiah, kolej universiti berkenaan.

Beliau turut menasihatkan agar semua ahli untuk sentiasa memastikan agar semua perkara yang dilakukan adalah dengan niat kerana Allah, bukan untuk sanjungan atau penghormatan dalam kalangan manusia.

Majlis diserikan dengan penyampaian anugerah kepada penerima Anugerah Belia Cemerlang KUPU SB 2024 iaitu Awang Nurhazmie bin Haji Razali.

Manakala, anugerah Pemimpin Muda Belia KUPU SB 2024 disandang oleh Dayang Nurul Aqilah binti Haji Zakaria dan Awang Haji Ahmad bin Haji Abas.

Turut disempurnakan, penyampaian Anugerah Usrah 3B (Bekarih, Bejarih dan Baluriah) kepada Awang Mohd. Hariz Zakwan bin Mohd. Fuezi; Dayang Amiezieairatul Syazwiennie Ezly Mazlywinah binti Amirul Syafiee;

Awang Ahmad Raziqin bin Rosli; dan Dayang Siti Rabiatal Adawiyah binti Romainor, mahasiswa dan mahasiswi dalam pelbagai program.

Antara objektif majlis diadakan adalah untuk menghargai sumbangan ahli-ahli Nadi Al-Qawi Al-Amin, memperkuat semangat kerjasama, serta memberikan inspirasi kepada semua untuk terus berkhidmat.

Dengan pelantikan jawatankuasa baharu, diharapkan Nadi akan terus berkembang dan memberi impak positif kepada masyarakat.

Adapun Nadi Al-Qawi Al-Amin adalah sebuah kelab di KUPU SB yang telah dirasmikan pada tahun 2022 bertujuan untuk menggalakkan penglibatan aktif ahli-ahli dalam menyumbangkan ke arah aktiviti berbentuk kemasyarakatan, keusahawanan dan dakwah dengan menekankan objektif penubuhan Nadi Al-Qawi Al-Amin iaitu meningkatkan kemahiran insaniah (*soft skills*) dan komitmen pelajar untuk menjalankan aktiviti dakwah dan tarbiah di dalam dan luar negara secara berkesan.

Kementerian Kesihatan terima 78 BFC

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Oktober. - Majlis Penyerahan 78 Breastfeeding Covers (BFC) kepada Kementerian Kesihatan daripada Jawatankuasa Kanak-Kanak Sihat (W.I. NBD) di bawah Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78, Tahun 2024, berlangsung di Bilik VIP, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan

Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai dari JDBM, Pengiran Haji Shahibol Esham bin Pengiran Kamis, dan diteruskan dengan ucapan daripada Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kanak-Kanak Sihat, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali, dan seterusnya ucapan daripada tetamu kehormat majlis.

Kemudian majlis diteruskan dengan penyerahan 78 helai BFC daripada Datin Hajah Masni

kepada Dr. Hajah Rafidah.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat dan Doa Peliharahan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Pengiran Haji Shahibol Esham.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Kanak-Kanak Sihat, Syarikat Perusahaan Mazroni, Media Massa serta pegawai-pegawai dan kakitangan JDBM.

PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan 78 Breastfeeding Covers (BFC).



منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

BERSOPAN santun ketika berbicara adalah satu perbuatan yang terpuji kerana beradab sopan bukan hanya lahir dari perlakuan perbuatan tetapi juga dari tutur kata yang baik, bahasa yang sopan dan lemah lembut. Allah Subhanahu Wata'ala memberi tuntutan kepada manusia agar kita berbicara dengan perkataan yang baik dan membiasakan diri dengan ucapan-ucapan yang baik. Kerana melahirkan isi hati yang baik dengan perkataan yang baik merupakan sopan santun yang tinggi.

Perbuatan yang sentiasa disulami dengan muka yang manis memang digalakkan dalam Islam. Sekurang-kurangnya ia menyenangkan hati dan perasaan orang yang sedang kita ajak berbicara. Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Dzar dia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Jangan memperkecilkan sesuatupun dari perbuatan kebaikan walaupun sekadar menyambut saudaramu dengan muka yang manis".

Hadis ini jelas menggalakkan kita agar sentiasa bermuka manis apabila bertemu dengan kawan atau ketika menerima tetamu.

Adab sopan ketika berbicara

Mengucapkan salam sebelum memulakan perbualan adalah salah satu sifat terpuji yang perlu dicontohi. Walaupun hukum memberi salam hanyalah sunat dan menjawabnya pula adalah wajib, tetapi orang yang memulakan salam adalah orang yang paling utama sepertimana Imam Abu Daud dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Abu Umamah dia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"*Sesungguhnya manusia yang paling utama di sisi Allah ialah orang yang memulakan mengucapkan salam kepada mereka*".

Berbicara menggunakan perkataan-perkataan yang baik dengan penuh kelembutan tanpa mengeras-ngeraskan suara dapat menyuburkan kasih sayang sesama manusia dan mengekalkan hubungan silaturahim. Oleh kerana itu dalam pergaulan sehari-hari hendaklah kita membiasakan diri berbicara dengan ucapan-ucapan yang baik dan beradab sopan kerana semua itu akan menghasilkan kebajikan.

Jika orang yang hendak kita ajak berbicara itu orang yang tidak kita kenali, umpamanya apabila kita hendak bertanya sesuatu, hendaklah kita memanggilmnya dengan cara yang tidak menyinggung perasaannya dan tidak pula dengan cara yang berlebihan. Panggilah ia dengan perkataan yang sesuai dengan keadaannya. Umpamanya jika ia seorang yang lebih tua dari kita panggilah

dengan Pak Haji atau Pak Cik, Bu Hajah atau Mak Cik, dan seumpamanya. Di negara kita Brunei Darussalam, penggunaan perkataan 'kita' sebagai ganti nama 'awak atau kau' sering kita gunakan apabila bercakap dengan orang yang lebih tua dan kebiasaan ini adalah dikategorikan sebagai bersopan santun. Hal yang demikian tidaklah menjadi kesalahan justeru ia lebih menampakkan tanda hormat kita kepada seseorang yang lebih tua dari kita.

Selain daripada itu kita harus bijak memilih kata-kata yang hendak diucapkan supaya perasaan orang yang sedang berbicara dengan kita sentiasa terpelihara. Islam menganjurkan supaya kita menuturkan kata-kata yang baik dan manis didengar sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa', ayat 28 yang maffhumnya :

"*Dan jika engkau terpaksa berpaling (tidak dapat memenuhi hajat mereka) kerana mengharapakan rahmat (rezeki) daripada Tuhanmu yang engkau inginkan maka ucapkan kepada mereka perkataan yang menyenangkan hati*".

Berbicara sambil menyelitkan gurauan dalam perbualan harian tidaklah ditegah oleh Islam asalkan sopan santun dan adab berbicara tetap terpelihara kerana kita juga memerlukan gurau senda dalam melalui kehidupan harian asalkan gurauan itu tidak terkeluar dari kata-kata yang baik dan benar. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri

dalam kehidupan harian Baginda bergurau dengan para sahabat. Walau bagaimanapun perbualan Baginda tidaklah sampai menyakiti hati dan menyinggung perasaan dan menghina seseorang. Baginda juga tidak bergurau kecuali pada perkara yang benar sepertimana Imam At-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu katanya : Para sahabat bertanya :

"*Wahai Rasulullah! Adakah engkau bergurau sendakan (mengusik) kami?*"
Jawab Baginda : "*Sesungguhnya aku tidak berkata (dalam gurau) melainkan hanya perkara yang benar*".

Tetapi jika gurauan itu kosong tiada memberi manfaat dan hanya bertujuan untuk menarik perhatian orang supaya ketawa, maka gurauan seperti inilah yang tidak disenangi oleh Islam sebagaimana Imam Al-Baihaqi dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Bahzi bin Hakim, daripada bapanya, daripada neneknya, daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"*Celakalah orang yang berbicara kemudian dia berdusta agar suatu kaum tertawa kerananya. Kecelakaan untuknya, kecelakaan untuknya*".

Jagalah adab sopan ketika berbicara dengan sesiapa pun, baik orang tua, muda atau kanak-kanak. Pastikan kita sentiasa menuturkan kata-kata yang baik berlemah lembut dan berbudi bahasa.


KEMENTERIAN PENDIDIKAN
**MOE / LTK / 82 / 2024 / 2025
(JPK-OKT-2024)**

Tawaran Terbuka bagi Membekal dan Menghantar Terus Buku Teks Mata Pelajaran Matematik Tahun 7 Ke Sekolah-Sekolah Menengah Kerajaan, Negara Brunei Darussalam, bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu :
5 November 2024 - Selasa
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Kenyataan Tawaran

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam

Kelas:
Terbuka

Kategori:
KA01, B01, E01, KPB04

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran pada:
Selasa, 29 Oktober 2024.

Tarikh Tutup:
Selasa,
5 November 2024.
Jam 2.00 Petang.

Bil. Tawaran:
KHEDN / LTK / 2024-06

Tajuk Projek:
Kerja-Kerja Penambahbaikan bagi Gerai-Gerai di bawah Kawalan Jabatan-Jabatan Daerah

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / 2106 / 02

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)


KEMENTERIAN PERTAHANAN
Pemberitahuan Tawaran

Bilangan dan Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2024 / GRU / TA / 003

Operational Ration to GRU Personnel Deployed on Operation Duties-Short Term Contract

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu** sebelum tarikh tutup tawaran iaitu **Selasa, 29 Oktober 2024.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
5 November 2024.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN UKUR
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**
JUA04 / 2024

Topographical Survey bagi Penyambungan Pembetungan Bagi Kg. Pandan, Mukim Kuala Belait

Yuran Tawaran :
BND10.00

JUA05 / 2024

Topographical Survey bagi Menaiktaraf Rangkaian Paip Sistem Vakum bagi RPN Kg. Lumut, Mukim Kuala Belait

Yuran Tawaran :
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
12 November 2024.
Jam 2.00 Petang.


**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BIOS / JKSH / 01 / 2024-2025

Tajuk Sebut Harga:
Membekalkan Jamuan bagi Ahli Jawatankuasa yang Bertugas, Raptai dan Majlis Pelancaran bagi Ekspo Produk Tempatan 2024

Tarikh Tutup Mengambil Borang Sebut Harga:
31 Oktober 2024, Khamis.
Jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
31 Oktober 2024.
Khamis,
Jam 2.00 Petang.

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)


KEMENTERIAN PERTAHANAN
Pemberitahuan Tawaran

Bilangan dan Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2024 / PERS / TA / 03
Pembelian Peralatan Muzik Bagi Unit Pancaragam ABDB

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu** sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 29 Oktober 2024.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
5 November 2024.
2.00 Petang.


**JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Keterangan Projek :
Membekal Kabinet (Mechanical Mobile Compactors with 4 Adjustable Shelves Per Bay)

Dibukakan kepada pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND2.00 (Non-Refundable)

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 13 / 2024-2025

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
30 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan kepada Pemborong yang Berdaftar di dalam

Kelas :
III dan IV sahaja

Kategori :
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM029 / 2024

Bil. Projek
2024DBSBM / PDB.01

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Atap bagi Flat Perumahan Balai Polis, Limau Manis, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
5 November 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
19 November 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 12 / 2024-2025

Keterangan:
Membekal, Menghantar dan Memasang Langsir bagi Bilik-Bilik di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (Bangunan Al-Fuqaha), Makmal Biology dan Chemistry, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1446H-1447H / 2024M-2025M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
4 Jamadilawal 1446H / 6 November 2024M,
tidak lewat
jam 2.00 Petang.


**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 50 / UPA / 05

Tajuk Sebut Harga:
Penyewaan Ruang Beku Di Bangunan Pasar Gadong

Yuran Pentadbiran:
BND9.00
(Tidak dikembalikan)

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
31 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.

Waktu Kaunter Pembayaran:
Isnin – Khamis
8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
1.30 Petang – 3.00 Petang





**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan kepada
Pemborong-Pemborong yang
Berdaftar di Negara Brunei
Darussalam

Kelas:
I & II



**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah
Syariah 2005
Saman Gantian
Dalam Mahkamah
Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam**

Saman No.:
BM / MRS / P012A / P012A /
0688 / 09-2024

Kes Mal Bilangan :
BM / MRS / MAL-B / MAL-B /
S002A / 0687 / 09-2024

Antara

**Amal Nazwa Binti Budi Setia
- Plaintiff**

Dan

**Budi Setia Bin Suli
- Defendan**

Kepada : **Budi Setia Bin Suli, No
Kad Pintar : 00-291203** (Kuning)
alamat terakhir :- Tidak Diketahui.

Kamu adalah dengan ini disaman
supaya hadir secara sendiri atau
melalui Peguam Syarie kamu di
hadapan **Mahkamah Rendah
Syariah Daerah Brunei dan
Muara** pada **Khamis, 20
Rabiulakhir 1446H bersamaan 24
Oktober 2024M** pada **jam 2.30
Petang** untuk menjawab tuntutan
terhadap kamu oleh plaintiff yang
dinamakan di atas, bagi
**Permohonan Berwali Hakim
kerana Tidak Dapat Dikesan.**

Sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingkar hadir di mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengar dan
memutuskan kes tanpa kehadiran
kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa
jika kamu ingin membela diri
terhadap tuntutan tersebut, kamu
hendaklah memfailkan di
Mahkamah ini dan menyampaikan
kepada **Plaintif** suatu pembelaan
dalam Borang yang ditetapkan
sebelum tarikh yang disebut di atas
atau hadir di Mahkamah pada
tarikh itu.

Bertarikh :
14 Rabiulawal 1446H /
28 September 2024M

**Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam**



Kategori:
K01 & B01

Tarikh Buka Tawaran pada :
23 Oktober 2024.
(Rabu)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
6 November 2024.
(Rabu)

Tarikh Tutup Pada :
11 November 2024.
(Isnin)
Sebelum
jam 9.00 Pagi

Ditutup di Tingkat 1,
Jabatan Alam Sekitar,
Taman dan Rekreasi,
Bangunan Tumasek Plaza,
Jalan Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha,
Bandar Seri Begawan BA1910,
Negara Brunei Darussalam

JASTRE / QTN061 / 2024
Kerja-Kerja Pembaikan bagi
Stesen Pemantauan Kualiti
Udara di Bukit Beruang,
Daerah Tutong bagi
Jabatan Alam Sekitar,
Taman dan Rekreasi.

No. Projek:
JASTRE / QTN061 / 2024
Jumlah Yuran Tawaran:
BND9.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Untuk Diiklankan :
23 Oktober 2024 &
30 Oktober 2024



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga:
JHEM / 01 / 10 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Membekal, Menghantar dan
Memasang Mobile Compactor
Filing System di
Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Rabu,
30 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 064 / 2024

Tajuk Tawaran:
Supply and Delivery
of Portable Dissolved
Gas Analysis (DGA)
Equipment for
Transmission Section

Tarikh Tutup:
Selasa,
5 November 2024.
2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
"Tender Box"
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Mempunyai Pendaftaran
Syarikat Dengan Kementerian
Pembangunan Dalam
Kategori P05
P05 - Alat-Alat Kejuruteraan
Elektrik, Elektronik Dan
Elektro-Mekanik

Dokumen tawaran dan
penerangan yang lanjut
bolehlah diperoleh dari
Bahagian Kaunter
Unit Tawaran dan
Sebut Harga, Tingkat 4,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.

PERHATIAN:
Sila sertakan salinan
"BUSINESS NAMES
ENACTMENT, 1958 –
SECTION 16 & 17"
dan sijil pendaftaran
pemborong (MOD)
semasa menghantar
dokumen ini ke Jabatan
Perkhidmatan Elektrik.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
KK / 232 / 2024 / LAB(TC)

Keterangan:
To Supply and Deliver Capillary
HB Electrophoresis Reagents
with Equipment Rental for
National Haematology
Reference Laboratory,
Department of Laboratory
Services,
Ministry of Health for a Period
of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 233 / 2024 / MOH

Keterangan:
The Supply and Delivery of
Patient Linen for All
Ministry of Health Hospitals

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 234 / 2024 / MOH

Keterangan:
The Supply and Delivery of
Specialised Area Linen for All
Ministry of Health Hospitals

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 235 / 2024 / MOH

Keterangan:
The Supply and Delivery of Pillow
and Textile for Hospital Linen at
Ministry of Health Hospitals

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 236 / 2024 / PPN(TC)

Keterangan:
Supply and Delivery of
Prosthodontic Unit Consumable
Items for Department of Dental
Services, Ministry of Health for a
Period of Three (3) Years (Part 3)

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 237 / 2024 / PPN(TC)

Keterangan:
The Supply and Delivery of
Medicine for Department of
Pharmaceutical Services,
Ministry of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
5 November 2024.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 /
54 / MTECH / 02

Tajuk Sebut Harga:
Quotation to
Supply and Delivery of Toner /
Cartridge Printer Quarter Year
Supply for Bandar Seri Begawan
Municipal Department,
Ministry of Home Affairs.

Yuran Sebut harga:
BND9.00
(Tidak dikembalikan)

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
31 Oktober 2024.
Jam 2.00 Petang.

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**
Seksyen Pemuliharaan Aset,
Bahagian Pengurusan
Pemuliharaan Estet,
di Bangunan Blok 1 (B1)
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan,
Tingkat 3,
Flat Perumahan Kerajaan
Jalan Seri Beribi Gadong
BE1118, Bandar Seri Begawan



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 24

Tajuk Tawaran:
Provision of Welcoming Reception
Services for Tourists from
Upcoming Cruise Ships to
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
7 November 2024.
Jam 2.00 Petang.



KERJASAMA SEPADU DALAM PELAN KESIAPSIAGAAN, PEMULIHAN BENCANA

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JERUDONG, Isnin, 21 Oktober. - Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kolonel (B) Muhd. Harrih Rashidi bin Haji Muhd. Jamin menyatakan, adalah penting untuk memastikan semua anggota komuniti ASEAN, terutamanya golongan yang paling terdedah untuk sama-sama turut serta dalam pelan kesiapsiagaan dan pemulihan bencana.

Berucap selaku Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN (ACDM) Kali Ke-45 dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan yang berlangsung di The Empire Brunei, Jerudong, Pengarah NDMC seterusnya menekankan, kepentingan untuk menggalakkan penyelesaian jangka panjang yang memulihkan semula ekonomi tempatan, membina semula sumber pendapatan, dan memastikan kesejahteraan berterusan bagi penduduk yang terjejas.

Dalam ucapan perasmiannya, beliau percaya bahawa dengan kerjasama serantau yang teguh, rantau ini akan dapat memanfaatkan kepakaran kolektif, berkongsi amalan terbaik, dan menjadikan ASEAN sebagai rantau yang lebih berdaya tahan, di mana setiap individu akan lebih bersatu padu dalam menghadapi bencana dengan

yakin dan membina semula dengan baik.

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam menjadi Tuan Rumah dan Pengerusi bagi ACDM dan Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Pengurusan Bencana (AMMDM), dengan tema, 'Building a Resilient ASEAN Through Inclusive and Sustainable Disaster Recovery.'

Mesyuarat ACDM Kali Ke-45 ini merupakan Mesyuarat ACDM kali kedua bagi tahun 2024 yang telah diadakan di negara ini dan dipengerusikan oleh Pengarah NDMC.

Mesyuarat ACDM ini berfungsi sebagai forum untuk bertukar pandangan mengenai isu-isu strategik dan terkini serta membincangkan kemajuan semasa dan status perkembangan beberapa projek, program dan aktiviti di bawah ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response (AADMER) 2021-2025 atau ringkasnya AWP 2021-2025 yang mana terdapat tiga Kumpulan Kerja yang menyelia dan melaksanakan projek di bawah AWP 2021-2025, iaitu Kumpulan Kerja ACDM mengenai Pencegahan dan Mitigasi (ACDM WG P&M), Kumpulan Kerja ACDM mengenai Kesiapsiagaan, Tindak Balas dan Pemulihan (ACDM WG PRR), dan Kumpulan Kerja ACDM mengenai

Kepimpinan Global (ACDM WG GL) serta membincangkan status kemajuan projek, program dan aktiviti di bawah mekanisme dengan rakan dialog ACDM seperti Jepun, Republik Rakyat China dan Republik Korea (ROK).

Selain Mesyuarat ACDM Kali Ke-45 ini, beberapa mesyuarat lain juga diadakan seperti, Mesyuarat Lembaga Pengelola Pusat AHA (GB-AHA) Kali Ke-21, Mesyuarat Platform Ketahanan Bencana ASEAN (ADRP) Kali Ke-6, Mesyuarat ACDM Bersama Jepun Kali Ke-8, Mesyuarat ACDM Bersama Republik Rakyat China Kali Ke-8, dan Mesyuarat ACDM Bersama Republik Korea (ROK) Kali Ke-7.

Semasa Mesyuarat Lembaga Pengelola Pusat AHA (GB-AHA),

mesyuarat tersebut telah membincangkan mengenai status kewangan Pusat AHA, negara penyumbang atau penderma serta beberapa projek dan operasi utama Pusat AHA seperti Pasukan Tindak Balas dan Penilaian Kecemasan ASEAN (ASEAN-ERAT), Gudang Penyimpanan Logistik Kecemasan Bencana ASEAN (DELSA), Program Eksekutif Pusat AHA (ACE).

Manakala, Mesyuarat Platform Ketahanan Bencana ASEAN (ADRP) adalah bertujuan untuk menyediakan platform bagi ACDM dan beberapa badan sektoral ASEAN berkaitan projek pengurusan bencana bagi membolehkan kerjasama rentas sektor dari kalangan ASEAN.

Semasa Mesyuarat ACDM bersama rakan dialog ASEAN

dari Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea (ROK) telah membincangkan tentang pelaksanaan pelan kerja negara-negara rakan dialog bersama ASEAN.

Mesyuarat ACDM Kali Ke-45 ini telah dihadiri oleh para delegasi ASEAN dari organisasi pengurusan bencana (NDMO) dari Negara-negara Anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN, Pusat Penyelaras ASEAN untuk Bantuan Kemanusiaan dalam pengurusan bencana (Pusat AHA) dan Timor-Leste sebagai negara pemerhati serta rakan dialog ACDM dari Republik Rakyat China, Jepun dan ROK.

Berikutan daripada Mesyuarat ACDM Kali Ke-45 ini, Mesyuarat AMMDM Kali Ke-12 juga akan diadakan, dan dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.



PENGARAH Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kolonel (B) Muhd. Harrih Rashidi bin Haji Muhd. Jamin semasa hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN (ACDM) Kali Ke-45 dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan berlangsung di The Empire Brunei, Jerudong.



MINDA PEMBACA

Teladani sunnah Rasulullah dalam kehidupan seharian

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan contoh terbaik bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Baginda memiliki akhlak yang terpuji, sifat penyayang, dan keperibadian yang mulia. Teladan serta sunnah yang ditunjukkan oleh Rasulullah dapat menjadi panduan bagi umat Islam dalam meraih kehidupan yang lebih bermakna dan penuh berkat.

Antara sunnah yang patut diteladani adalah menjaga hubungan baik sesama manusia. Rasulullah sentiasa menunjukkan sikap lemah lembut dan mesra kepada semua orang, tanpa memandang agama, bangsa, atau status sosial. Baginda mengajarkan kita untuk berbuat baik kepada orang lain, bersikap pemurah, serta

menghindari sifat dendam dan benci. Dalam kehidupan seharian, kita boleh mengamalkan sunnah ini dengan menghormati, membantu, dan memaafkan mereka yang melakukan kesalahan. Rasulullah sangat menitikberatkan kebersihan diri dan persekitaran. Baginda sentiasa menjaga kebersihan tubuh, pakaian, serta tempat tinggal. Kebersihan merupakan sebahagian daripada iman, dan dengan mengamalkan sunnah ini, kita dapat menjalani hidup yang sihat dan berdisiplin. Sebagai contoh, kita boleh membersihkan diri sebelum solat, memastikan tempat tidur sentiasa bersih, dan menjaga kebersihan makanan yang kita makan.

Selain itu, Rasulullah juga

menekankan pentingnya melaksanakan ibadah dengan konsisten dan penuh keikhlasan. Baginda tidak pernah meninggalkan solat, puasa, dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ibadah-ibadah ini bukan sahaja memperkuat hubungan kita dengan Allah, tetapi juga menenangkan jiwa dan memberi kekuatan dalam menghadapi cabaran hidup. Dengan meneladani sunnah dalam ibadah ini, kita akan memperoleh kehidupan yang lebih tenteram dan penuh keberkatan. Akhirnya, gaya hidup sederhana yang diamalkan Rasulullah perlu kita teladani. Baginda tidak mengejar kemewahan dunia dan sentiasa bersyukur dengan apa yang ada. Dalam dunia moden yang sering kali

dipenuhi dengan sifat materialistik, mencontohi kesederhanaan Rasulullah dapat membantu kita hidup dengan lebih tenang, tanpa terbebani oleh keinginan yang berlebihan.

Secara keseluruhan, mencontohi sunnah Rasulullah dalam kehidupan seharian memberikan manfaat yang besar, bukan sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga kepada masyarakat. Semoga kita terus berusaha mengamalkan sunnah baginda agar menjadi umat Islam yang lebih baik.

Nama : Ahmad Izzuddin bin Azis
No. K/P : 01-099XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Melindungi Kesejahteraan, Kebajikan Warga Emas'. Tarikh Tutup : 23 Oktober 2024
2. 'Guru Berkualiti, Negara Maju'. Tarikh Tutup : 30 Oktober 2024
3. 'Mensyukuri Nikmat Kesihatan'. Tarikh Tutup : 6 November 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.

atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

JBP SERTAI PERTANDINGAN MIREC



MAJLIS Penyerahan Bendera disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Azmi bin Haji Hafneh kepada Ketua Pasukan (atas). Manakala gambar kiri, para ahli pasukan semasa sesi bergambar ramai sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BERAKAS, Isnin, 21 Oktober. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) telah menghantar satu pasukan seramai lima orang yang diketuai oleh Penolong Penguasa Bomba, Awang Muhammad Rafiq bin Reduan bagi mengikuti Pertandingan Malaysia International Rescue Extrication Challenge (MIREC) yang akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia selama tiga hari bermula pada 22 hingga 24 Oktober 2024.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera kepada pasukan berkenaan telah diadakan hari ini di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Azmi bin Haji Hafneh kepada Ketua Pasukan.

Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat juga turut mengucapkan selamat belayar dan seterusnya memberikan kata-kata semangat serta nasihat dalam menyertai pertandingan tersebut.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh ABK 563 Awang Haji Ashri @ Lini bin Haji Apong. Turut hadir, pegawai-pegawai kanan dan anggota JBP.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Bahagian Standard Sukatan diserap ke MOFE

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Oktober. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) memaklumkan bahawa Bahagian Standard Sukatan di bawah Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah pun diserapkan ke Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, MOFE.

Oleh itu, semua operasi yang dikendalikan oleh bahagian tersebut di bawah Kementerian Kesihatan kini diambil alih oleh MOFE mulai 1 September 2024 bersamaan dengan 27 Safar 1446H, dan

Bahagian tersebut kini dikenali sebagai Unit Standard Sukatan di bawah Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, MOFE.

Sehubungan dengan itu, kaunter pembayaran bagi perkhidmatan kalibrasi di bawah Unit Standard Sukatan juga telah berpindah ke Bangunan Pejabat Unit Standard Sukatan di alamat berikut: Blok B6, No. 31, Simpang 32-66, Kampung Anggerek Desa, Bandar Seri Begawan, BB3713, Negara Brunei Darussalam.

Selera KAMPUNG Kitani

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Liking Kuasi Kampung Kulapis

BAHAN-BAHANNYA :

- 1 kilo ikan kuasi
- Secukupnya garam
- Serbuk perasa
- Lada kering kisar
- Mangga muda (hiris nipis dan halus)
- Asam kulit

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Ikan kuasi dibersihkan dan dibelah belakang. Masukkan garam, serbuk perasa, lada kisar dan asam kulit ke dalam mangkuk. Kemudian masukkan bahan-bahan tadi ke dalam perut ikan kuasi setelah

itu masukkan lagi mangga muda yang dihiris nipis tadi ke dalam perut ikan kuasi. Simpan dalam peti sejuk sekurang-kurangnya dua hari sebelum digoreng. Nyaman dimakan bersama nasi panas-panas.

PKWE DBM ANJUR MUSABAQAH TILAWATIL AL-QURAN

LAMBAK KANAN, Isnin, 21 Oktober. - Al-Quran merupakan kitab Allah yang diwajibkan bagi seluruh umat Islam beriman terhadapnya dan ia termasuk di dalam Rukun Iman yang ketiga. Membaca Al-Quran pula adalah antara ibadah yang dituntut untuk selalu kita amalkan.

Sehubungan itu, bersempena dengan Sambutan Hari Keluarga Kali Ke-3, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara (DBM) telah menganjurkan Musabaqah Tilawatil Al-Quran secara Murattal.

Acara yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan II, Jalan 77, Kampung Perpindahan Lambak Kanan berkenaan dihadiri oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwah Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dibacakan oleh Awang Haji Ghafar bin Haji Menudin. Selepas itu, majlis disusuli dengan Majlis Musabaqah Tilawatil Al-Quran secara Murattal.

PKWE juga bertujuan sebagai

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin

pusat menimba ilmu pengetahuan, mengisi masa lapang dan meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang, seperti riadah, keagamaan, kesihatan, sosial dan lain-lain ke arah mencapai matlamat-matlamat dalam Pelan Tindakan Warga Emas.

Dalam masa yang sama, PKWE dihasratkan untuk menyokong pembangunan warga emas melalui persekitaran yang membolehkan mereka meningkatkan kualiti hidup warga emas yang produktif dan berdikari melalui penuaan aktif (*active ageing*) menerusi penyediaan *community support centre*.

PEMANGKU Pengarah Hal Ehwah Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat pada Musabaqah Tilawatil Al-Quran secara Murattal bersempena dengan Sambutan Hari Keluarga Kali Ke-3, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara (DBM).



BSM lancar Buku Meja Kopi pertama

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

PEMANGKU Pengarah Urusan BSM, Awang Haji Mohd. Hairul Radzi bin Haji Shahri semasa hadir pada Pelancaran Buku Meja Kopi pertamanya bertajuk 'Moving Forward with You' pada majlis yang diadakan di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja (kiri dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Oktober. - Dalam merayakan 65 tahun perkhidmatan dan dedikasi kepada negara, Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) hari ini telah melancarkan Buku Meja Kopi pertamanya bertajuk 'Moving Forward with You' pada majlis yang diadakan di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, di sini.

Pemangku Pengarah Urusan BSM, Awang Haji Mohd. Hairul Radzi bin Haji Shahri dalam ucapan perasmianya menekankan bahawa buku itu memberikan gambaran dan refleksi tentang perkhidmatan selama enam setengah dekad, daya tahan dan sumbangan penting pelanggan, rakan kongsi dan pekerja BSM.

Jelasnya lagi, sokongan mereka adalah penting untuk mencapai kejayaan ini dan kejayaan BSM diasaskan pada kerja berpasukan, kepercayaan dan visi bersama untuk pertumbuhan dan



kemampuan.

Buku Meja Kopi itu berfungsi sebagai penghormatan visual kepada legasi 65 Tahun BSM, meraikan pencapaiannya sambil menceritakan perjalanan luar biasa syarikat dalam membentuk landskap tenaga Negara Brunei Darussalam (NBD) merentasi darat, laut dan udara.

Ia juga mengisahkan sejarah BSM sejak penubuhannya pada tahun 1959, menonjolkan penubuhan stesen runcit dan pembekalan Shell Fuels, Shell Lubricants, Liquefied Petroleum Gas (LPG), Saraline dan Bitumen di seluruh negara.

Buku ini turut menggariskan visi BSM untuk bergerak ke hadapan; menumpukan pada inovasi dan kemampuan, termasuk pengenalan stesen pengecasan pantas runcit pertama NBD di Stesen Runcit IBA di Lambak Kanan dan kepelbagaian ke arah tawaran Non Fuel Retail (NFR) seperti Penjagaan Kereta Shell dan perkhidmatan runcit kemudahan seperti Shell Café dan Shell Select.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei (PSB), Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah dan Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit bersama rakan kongsi perniagaan, pengurusan dan kakitangan BSM.

Para jemputan pada majlis

tersebut juga diberi pandangan eksklusif tentang cerita dan gambaran yang menjadikan buku 'Moving Forward with You' sebagai tambahan abadi kepada mana-mana perpustakaan.

Buku berkenaan kini boleh dilihat di DBP dan PSB, sebagai bukti yang berkekalan kepada komitmen BSM yang tidak berbelah bahagi untuk berkhidmat kepada negara.



BUKU Meja Kopi pertama BSM bertajuk 'Moving Forward with You'.



PELITA BRUNEI, Rabu 21 Oktober, 1964.

MUKA 3

Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1965

BANDAR BRUNEI. — Biduan2 dan biduanita2 tempatan ada-lah di-jemput Intok mengambil bahagian dalam pertandingan bagi merobutkan geiaran BINTANG RADIO BRUNEI TAHUN 1965.

Pertandingan tersebut di-bahagikan kepada 2 peringkat, ia-itu Peringkat Daerah dan Peringkat Negeri. Peringkat Daerah mengandungi (a) Daerah Brunei/Muara, (b) Daerah Seria/Belait, (c) Daerah Tutong dan (d) Daerah Temburong.

Pertandingan untuk merebutkan gelaran Bintang Radio bagi tiap2 daerah tersebut akan dilangsungkan tidak berapa lama lagi.

Pertandingan untuk merebutkan gelaran Bintang Radio Brunei Kejohanan Sa-Negeri Brunei bagi Tahun 1965 akan diadakan pada masa sambutan Hari Raya Puasa, ia-itu pada awal bulan Februari tahun hadapan.

Biduan2 dan biduanita2 yang berjaya mendapat gelaran Johan dan Naib Johan dalam pertandingan peringkat daerah, akan di-pilih untuk mewakili daerah masing2 dalam pertandingan Sa-Negeri Brunei.

Menurut satu syarat yang telah di-tetapkan, jika sakira-nya penyanyi2 yang menjadi Johan atau Naib Johan dalam pertandingan peringkat daerah tidak dapat mengambil bahagian dalam pertandingan peringkat Sa-Negeri Brunei, maka penyanyi2 yang mendapat tempat yang ketiga atau yang ke-empat dalam pertandingan peringkat daerah masing2 dengan sendiri-nya akan berpeluang mengambil bahagian dalam pertandingan peringkat Sa-Negeri Brunei sa-bagai menggantikan penyanyi2 yang menjadi Johan atau Naib Johan yang tidak dapat mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Pertandingan tersebut akan di-bahagikan kepada dua bahagian, ia-itu Bahagian Asli dan Bahagian Langgam, lelaki dan wanita.

Tiap2 penyanyi boleh menyanyi Lagu Asli dan Langgam. Jika-lah sa-orang penyanyi menyanyi Lagu Asli sahaja dan berjaya menjadi Johan dalam pertandingan bahagian itu, maka ia akan hanya di-beri gelaran Johan Bahagian Asli sahaja.

Sa-kira-nya penyanyi itu menyanyi Lagu Langgam sahaja dan berjaya menjadi Johan dalam pertandingan bahagian itu, maka ia akan hanya di-beri gelaran Johan Bahagian Langgam sahaja.

Akan tetapi, jika sa-kira-nya penyanyi itu menyanyi Lagu Asli dan Lagu Langgam dan berjaya mendapat markah yang tinggi sekali dalam pertandingan menyanyi itu, maka ia akan di-beri gelaran Johan, Sa-Negeri

Brunei, atau Bintang Radio Sa-Negeri Brunei kelak.

Pertandingan tersebut terbuka kepada penyanyi lelaki yang berumur 17 tahun ka-atas dan penyanyi wanita yang berumur 14 tahun ka-atas.

Penyanyi itu mesti-lah tinggal di-Negeri Brunei, sekurang2-nya enam bulan terlebih dahulu dari tarikh ia menghantarkan borang permohonan masuk bertanding.

Untuk pengetahuan penyanyi2 yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut, sa-barang bayaran pun tidak-lah akan di-kenakan untuk mengambil bahagian.

Tambang kereta pergi dan balik untuk mengambil bahagian dalam pertandingan itu tidak-lah akan di-tanggung oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Lagu2 yang akan di-pertandingkan untuk merebutkan gelaran Bintang Radio Brunei Tahun 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:

PENYANYI LELAKI : Lagu Asli (a) Pak Malau atau (b) Isilah Chinta Ku. Lagu Langgam (a) Rindu Selalu atau (b) Senyum Dan Irama.

PENYANYI WANITA : Lagu Asli (a) Mengapa Di-Rindu atau (b) Bunga Tanjung. Lagu Langgam (a) Tak Boleh Ku Lupa atau (b) Tetap Menanti.

Tarikh penutup bagi menerima borang2 permohonan bertanding ia-lah Hari Sabtu 7 November, 1964, pukul 4 petang.

Borang2 permohonan bertanding boleh-lah di-perolehi daripada :

DAERAH BRUNEI/MUARA: Pengelola Pertandingan Bintang Radio, Bahagian Melayu Radio Brunei, Bandar Brunei.

DAERAH SERIA/ BELAIT: Pegawai Penyiaran dan Penerangan, Radio Brunei, Kuala Belait.

DAERAH TUTONG : Awang Noordin Ahmad, Pegawai Pengawal Siaran Radio, Tutong.

DAERAH TEMBURONG : Awang Jumat, Pegawai Penjaga Bilek Bacha'an, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Temburong.

Pepereksaan Bahasa Melayu Untuk Orang2 Dewasa Bukan Melayu

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan Bahasa Melayu Untuk Orang2 Dewasa Yang Bukan Melayu — 1964 akan di-jalankan pada bulan Disember, 1964 ia-itu bagi tingkatan2 PERMULAAN, SATU, DUA dan TIGA.

Pepereksaan ini terbuka kepada orang2 yang bukan Melayu yang belajar di-darjah2 Dewasa anjoran Kerajaan.

Sharat2 memasoki pepereksaan ini ada-lah sa-bagai berikut:—

i. Chalun2 itu ia-lah sa-orang pelajar kelas dewasa; dan mempunyai kedatangan persekolahan yang memuaskan.

ii. Chalun2 hendak-lah mendaftarkan nama-nya dengan mengisi borang yang di-sediakan, melalui guru yang mengajar; dan mendapat sokongan mengenai kebolehan-nya daripada guru2 tersebut.

iii. Chalun2 yang hendak memasoki pepereksaan Tingkatan II hendak-lah telah lulus Tingkatan I. Demikian pula chalun2 yang hendak memasoki pepereksaan Tingkatan III hendak-lah telah lulus Tingkatan II.

Memasoki pepereksaan ini tidak akan dikenakan apa2 bayaran.

Tempat2 pepereksaan yang akan di-jalankan ia-lah seperti berikut:—

1. Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah (RIF), Bandar Brunei — untuk chalun2 di-Bandar Brunei.

2. Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait — untuk chalun2 di-Kuala Belait.

3. Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria untuk chalun2 di-Seria.

4. Sekolah Chung Hwa, Tutong — untuk chalun2 di-Pekan Tutong.

Pekara2 yang akan di-pereksa:—

A. Tingkatan Permulaan dan Tingkatan Satu:

i. Bachaan Rumi; ii. Renchana Rumi; iii. Soal jawab di-mulut; iv. Bahasa dan Memahami Karangan dan v. Karangan dan Surat Kiriman.

B. Tingkatan Dua dan Tiga:

i. Bachaan Rumi; ii. Renchana Rumi; iii. Bachaan Jawi; iv. Renchana Jawi; v. Karangan dan Surat Kiriman; vi. Bahasa; vii. Memahami Karangan dan viii. Soal jawab di-mulut.

Pepereksaan ini akan di-jalankan pada siang hari Suatu Jutaul mengenai ketetapan tarikh pepereksaan itu di-jalankan akan di-umumkan kemudian.

Pendaftaran kerana memasoki pepereksaan ini akan di-mulakan dari sekarang dan akan di-tutup pada 10 November, 1964.

MELAWAT BRUNEI:

Pengarah Penerangan Amerika Sharikat

BERAKAS. — Pengarah Perkhidmatan Penerangan Amerika Sharikat di-Kuching, Sarawak Awang Edward F. Conyngham telah melawat ka-Negeri Brunei pada 15 Oktober, 1964.

Beliau telah di-temui di-Lapangan Terbang Berakas oleh Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar.

Semasa lawatan-nya ka-negeri ini, Awang Conyngham telah mengadakan pertemuan2 dengan Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang G. V. de Freitas; Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Malcolm MacInnes dan dengan beberapa orang yang lain.

Ini-lah kali yang pertama Awang Conyngham melawat ka-Negeri Brunei semenjak beliau di-lantek menjadi Pengarah Perkhidmatan Penerangan Amerika Sharikat di-Kuching baharu2 ini.

Terlebih dahulu beliau telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Penerangan Amerika Sharikat di-Taiwan (Formosa) selama lima tahun dan di-lain2 negeri.

Awang Conyngham telah berangkat dari Brunei ka-Jessellton dengan kapal terbang pada 16 Oktober. Di-antara-nya yang menghantar beliau di-Lapangan Terbang Berakas ia-lah Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang G.V. de Freitas.

Pegawai2 Pertubohan Kesehatan Sa-Dunia

BANDAR BRUNEI. — Lima orang Pegawai2 Pertubohan Kesehatan Sa-Dunia telah melawat ka-Negeri Brunei dari Miri pada petang 13 Oktober, 1964 dalam bidang lawatan mereka ka-beberapa tempat di-Negeri Sarawak.

Rombongan tersebut di-ketuai oleh Awang Hsi-Hsuen Chen, sa-orang Pegawai Pertubohan Kesehatan Sa-Dunia yang kini berkhidmat di-Kuching, Sarawak.

Sa-lepas melawat ka-Negeri Brunei rombongan tersebut telah melawat ka-Limbang pula.

Dalam satu pertemuan dengan sa-orang Wartawan, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang Chen berkata bahawa kejadian demam Malaria di-Sarawak telah kurang dari 40 000 orang yang menghidapi demam itu ka-1 500 orang dalam sa-tahun, semenjak Sarawak melancarkan Rancangan Memasukan Malaria dalam tahun 1953.



Seni khat pemangkin generasi rabbani

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

SENI khat atau kaligrafi Islam merupakan khazanah umat Islam yang sangat berharga. Seni khat bukan sahaja dihasilkan di atas kertas-kertas yang sangat halus kualitinya, bahkan juga di pelbagai media di mana sahaja wujudnya masyarakat Islam. Setelah berdepan dengan pelbagai cabaran, seni khat kembali mendapat tempat dan dibudayakan melalui pelbagai aktiviti termasuklah pertandingan yang semakin mendapat sambutan. Mengembalikan hak masyarakat Islam untuk menikmati keindahan seni khat melalui pelbagai aktiviti mempunyai banyak tujuan dan manfaat termasuklah ekonomi, psikologi, persekitaran, pendidikan dan kenegaraan. Oleh itu, penganjuran Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diadakan pada 16 Oktober 2024 hingga 18 Oktober 2024 lalu sewajarnya disanjung oleh semua pihak memandangkan seni khat adalah milik abadi umat Islam dan sentiasa menjadi pembentuk tamadun manusia yang penuh

keluhuran dan kesopanan.

BDIICF 2024

Berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Perasmian Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa NBD 2024 (BDIICF 2024) di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB). Dengan tema 'Pemberdayaan Seni Kaligrafi Islam', mahrajan atau festival dianjurkan bersama Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (PPKKI - YSHHB); Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Islamic Research Centre and Islamic Art, History and Culture (IRCICA), Republik Turkiye dengan

tujuan untuk mengembangkan penyebaran ilmu seni kaligrafi ke pelosok serantau dan meningkatkan kesedaran umat Islam di negara-negara serantau dan antarabangsa terhadap kepentingan seni kaligrafi Islam dalam pelbagai aspek. Pelbagai acara telah disusun selama tiga hari ianya diadakan iaitu Pameran Kaligrafi Islam Antarabangsa, Pertandingan Seni Khat Secara Spontan anjuran PPKKI - YSHHB, pembentangan kertas kerja dan bengkel-bengkel kaligrafi Islam serta penyampaian hadiah Pertandingan Seni Khat Peringkat Serantau Asia 2024 anjuran bersama PPKKI - YSHHB dan IRCICA, Republik Turkiye.

Peranan seni khat

Dalam sembah ucap taja bertajuk 'Seni Khat Memartabatkan Bangsa, Pemangkin Generasi Rabbani', Pensyarah Kanan Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia dan Yang Di-Pertua Persatuan Seni Khat Kebangsaan Malaysia, Dr. Abdul Rahman bin Hamzah menjelaskan seni khat telah terbukti memainkan peranan yang amat penting dalam membawa perubahan kepada budaya dan

cara hidup masyarakat Islam sepanjang zaman. Walaupun pengaruh budaya asing begitu dahsyat melanda umat Islam, namun ujarnya usaha mempertahankan warisan seni khat masih kekal diteruskan.

"Usaha pihak-pihak tertentu sama ada individu atau organisasi dalam menghidupkan kembali seni khat seperti Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa NBD sewajarnya disanjung dan disambut dengan penuh rasa persaudaraan. Walaupun perjalanan khat masih jauh, namun cahaya di hujung terowong tidak pernah terpadam. Ini adalah kerana sinar seni khat adalah milik abadi umat Islam dan sentiasa menjadi pembentuk sebuah tamadun manusia yang penuh keluhuran dan kesopanan," jelas Dr. Abdul Rahman.

Sementara itu dalam pendekatan bersama media, Dr. Abdul Rahman skan penganjuran mahrajan seumpama ini merupakan satu program yang sangat besar dan berjaya. NBD, ujarnya terkedepan dalam penganjuran seni kaligrafi Islam yang diharapkan dapat merapatkan ukhuwah antara para penulis khat antarabangsa. Ujarnya lagi, golongan masyarakat

terutamanya ibu bapa memainkan peranan penting dalam melatih dan memberi galakan kepada anak-anak mereka agar bergiat dalam seni kaligrafi Islam agar apa jua usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan atau institusi-institusi akan nampak manfaatnya.

Pameran

Salah satu pengisian BDIICF 2024 ialah pameran yang menentang koleksi hasil karya kaligrafi dari PPKKI - YSHHB; IRCICA, Republik Turkiye; UNISSA; dan KUPU SB. Selain itu karya-karya kaligrafi daripada para pemenang Pertandingan Seni Khat Peringkat Serantau Asia 2024 anjuran bersama YSHHB dan IRCICA, Republik Turkiye juga turut dipamerkan.

Semoga dengan penganjuran mahrajan yang bersifat ilmiah ini akan membuka ruang kepada pakar-pakar dan tenaga mahir tempatan dan luar negara berkumpul dan berkongsi pandangan dan memberikan tunjuk ajar yang setentunya dapat membantu dalam mengembangkan ilmu seni khat atau kaligrafi dan kesenian Islam kepada pencinta seni khat khususnya dan kepada orang awam amnya.

Seni khat untuk pendidikan

- Lidah yang fasih dan mesra Al-Quran.
- Menghubungkan neuron anak dan membangun fizikal.
- Meluahkan ekspresi diri dan meningkatkan kreativiti.
- Membentuk peribadi anak soleh secara praktikal.
- Membentuk jiwa dan peribadi yang halus.



Usaha mengangkat kembali seni khat Islam

- Penguatan institusi seni Islam.
- Penyelarasan aktiviti khat dari peringkat akar umbi hingga antarabangsa.
- Pengiktirafan kepada tokoh bidang seni khat.

Budaya seni khat dalam masyarakat

Antara tujuan dan manfaat membudayakan seni khat :

- Ekonomi.
- Psikologi dan terapi.
- Membentuk persekitaran yang indah.
- Pendidikan.
- Kenegaraan - Dekolonisasi.



31 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPULKAN



PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam turut menyertai Kempen Derma Darah yang berlangsung di Pusat Derma Darah, Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre - JPMC).

■ Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Oktober. - Sebanyak 31 pain darah berjaya dikumpulkan semasa Kempen Derma Darah yang dikendalikan

oleh Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama Komuniti Thai dan 'Friends of Thailand' di negara ini.

Turut menyertai Kempen Derma Darah yang berlangsung di Pusat Derma Darah, Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre - JPMC), Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang

Terutama Boosara Kanchanalai.

Juga hadir semasa kempen berkenaan ialah Pengarah Perubatan JPMC, Dr. Meera Sahib Kabeer; dan Perunding Mikrobiologi, Dr. Awang Haji Mohamad bin Haji Kassim selaku Pengurus Makmal.

Kempen Derma Darah yang diadakan bermula jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang berkenaan dianjurkan bersempena dengan

Hari Memorial Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej (13 Oktober 2024).

Kempen berkenaan merupakan anjuran ke-11 yang dikendalikan oleh Kedutaan Diraja Thailand di NBD selepas mendapat sambutan yang menggalakkan daripada Komuniti Thai dan 'Friends of Thailand' sebelum ini.

Adapun tujuan kempen berkenaan diadakan adalah untuk membantu menambah bekalan darah bagi tabung darah negara serta memupuk budaya penglibatan masyarakat agar sentiasa menyokong tabung darah, kerana mengetahui bahawa setiap derma boleh menyelamatkan nyawa.



ANTARA yang hadir menyertai kempen berkenaan.

14 peserta diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran



PEMANGKU Ketua Kampung Tanah Jambu, Awang Haji Sarabani bin Haji Bakir semasa sesi bergambar ramai bersama Ahli Tadarus Masjid Kampung Tanah Jambu.

■ Berita dan Foto : Ihsan Masjid Kampung Tanah Jambu

TANAH JAMBU, Isnin, 21 Oktober. - Seramai 14 Ahli Tadarus Masjid Kampung Tanah Jambu mengadakan Majlis Khatam Al-Quran selepas menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran. Majlis yang berlangsung di masjid berkenaan telah dihadiri oleh Pemangku

Ketua Kampung Tanah Jambu, Awang Haji Sarabani bin Haji Bakir.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Ketua Imam masjid berkenaan, Awang Md. Saifullah bin Haji Rosli dan Doa Khatam dibacakan oleh

wakil peserta khatam, Awang Haji Ismail bin Haji Ohsali.

Ibadah bertadarus Al-Quran berkenaan telah dibimbing oleh Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Saleh. Antara tujuan majlis diadakan adalah untuk menggalakkan dan menjadikan budaya membaca Al-Quran sebagai aktiviti dalam kehidupan seharian.

Undi, pilih calon Ketua Kampung Batu Marang

■ Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Oktober. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri akan diadakan pada Ahad, 3 November 2024 bertempat di Sekolah Ugama Batu Marang, Mukim Mentiri bermula pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung ini akan menggunakan dua kaedah ini iaitu secara *ballot papers* pada 3 November 2024 dan melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibukakan melalui Aplikasi e-Undi PMKK mulai pada 1 hingga 3 November 2024.

Oleh itu, kepada penduduk-penduduk Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui ketua kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung (JDBM) sebelum 3 November 2024 manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui Aplikasi e-Undi PMKK sebelum 1 November 2024, pada pukul 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan penduduk-penduduk Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.

Pengundian, Pemilihan Calon Ketua Kampung STKRJ Lambak Kiri

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Oktober. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lambak Kiri, Mukim Berakas 'A' bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung STKRJ Lambak Kiri, Mukim Berakas 'A' akan diadakan pada Ahad, 3 November 2024 bertempat di Sekolah Rendah Dato Othman, Kluster 3, Lambak Kiri bermula pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung ini akan menggunakan dua kaedah ini iaitu secara *ballot papers* pada 3 November 2024 dan melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibukakan melalui Aplikasi e-Undi PMKK mulai pada 1 hingga 3 November 2024.

Oleh itu, kepada penduduk-penduduk Kampung STKRJ Lambak Kiri, Mukim Berakas 'A' yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui Pemangku Ketua Kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung (JDBM) sebelum 3 November 2024 manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui Aplikasi e-Undi PMKK sebelum 31 Oktober 2024, pada pukul 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan penduduk-penduduk Kampung STKRJ Lambak Kiri, Mukim Berakas 'A' untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.



ENAM MAUT TAUFAN OSCAR LANDA CUBA, 4 HARI TANPA BEKALAN ELEKTRIK

MEXICO CITY, 22 Okt. - Sekurang-kurangnya enam orang maut selepas taufan Tropika Oscar melanda timur Cuba, kata Presiden Miguel Diaz-Canel pada Isnin, kerana sebahagian besar pulau itu terus bergelap selama empat malam berturut-turut, lapor

Agensi Berita Jerman (dpa). Di wilayah Guantanamo, seluruh kawasan dinaiki air dan pekerja penyelamat tidak dapat sampai ke kawasan yang terjejas, kata Diaz-Canel. Pihak berkuasa berkata bahawa sekurang-kurangnya 1,000 rumah rosak. Runtuhan sistem grid kuasa

negara yang usang akibat ribut itu mengakibatkan majoriti penduduk sekitar 10 juta terputus bekalan elektrik untuk malam keempat berturut-turut. Grid kuasa lama Cuba gagal berfungsi pada pagi Jumaat.

Diaz-Canel berkata hanya satu pertiga daripada bekalan elektrik negara telah dipulihkan setakat ini.

Di Havana, kira-kira 90 peratus sambungan mempunyai elektrik semula.

Presiden itu juga memaklumkan beliau tidak akan menghadiri Sidang Kemuncak BRICS di bandar Kazan, Rusia, yang bermula pada Selasa, kerana kecemasan yang dicituskan oleh ribut itu.

Oscar melanda Cuba sebagai taufan pada hujung minggu dan kemudian diturunkan statusnya kepada ribut tropika yang lebih lemah ketika ia melintasi pulau itu.

Menurut Pusat Taufan Kebangsaan AS, ribut itu terus menyebabkan hujan lebat di timur Cuba dan barat daya Bahamas. - ©BERNAMA

Wabak penyakit berjangkit dilaporkan serang kambing di Mongolia

ULAN BATOR, 22 Okt. - Wabak 'contagious caprine pleuropneumonia' (CCPP), penyakit serius yang menyerang kambing disebabkan oleh bakteria *Mycoplasma capricolum subsp. Capripneumoniae* telah dilaporkan di wilayah Dornogovi, tenggara Mongolia, menurut Pihak Berkuasa Am bagi Perkhidmatan Veterinar negara itu pada Selasa, seperti dilaporkan oleh Xinhua.

CCPP tidak pernah dilaporkan di Mongolia sejak 1950-an, menandakan ketidakhadiran selama 70 tahun, menurut pihak berkuasa dalam satu kenyataan.

Dianggarkan kira-kira 15,000 ekor kambing milik lebih 70 keluarga penggembala di Khatanbulag soum (bahagian pentadbiran) di wilayah itu telah dijangkiti. Pihak berkuasa berkata langkah-langkah sedang dilaksanakan untuk mengehadkan penularan penyakit itu dan memusnahkan kambing yang dijangkiti.

Penyakit yang sangat berjangkit itu merebak antara haiwan dalam hubungan rapat melalui titisan pernafasan yang dijangkiti.

Antara gejala pada kambing termasuk hilang selera makan, demam, dan masalah pernafasan seperti 'dyspnea', 'polypnea' dan batuk.

Mongolia pada akhir 2023 mempunyai 64.7 juta ternakan dengan kambing menyumbang 38.1 peratus daripada jumlah itu, menurut Pejabat Statistik Negara. - ©BERNAMA

WHO sahkan Mesir bebas malaria

MOSCOW, 21 Okt. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengesahkan Mesir sebagai negara bebas malaria, satu pencapaian bersejarah dalam usaha membasmi penyakit itu, lapor Sputnik.

"Pengiktirafan ini adalah satu kejayaan besar dalam kesihatan awam bagi Mesir, negara yang mempunyai lebih 100 juta penduduk," menurut pertubuhan itu dalam satu kenyataan.

Kejayaan ini dicapai hasil usaha hampir 100 tahun oleh kerajaan dan rakyat Mesir untuk membasmi malaria, penyakit yang telah lama wujud sejak zaman purba.

Status bebas malaria diberikan oleh WHO kepada sesebuah negara hanya apabila terdapat bukti kukuh bahawa rangkaian penularan nyamuk pembawa malaria terputus sepenuhnya di seluruh negara sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga tahun terakhir.

WHO sebelum ini melaporkan bahawa walaupun terdapat kemajuan, rantau Afrika kekal sebagai kawasan yang paling terjejas oleh malaria. - ©BERNAMA

Tujuh terbunuh dalam serangan bersenjata di tapak projek Kashmir

NEW DELHI, 21 Okt. - Tujuh orang termasuk seorang doktor tempatan terbunuh dalam serangan bersenjata ke atas pekerja sebuah syarikat pembinaan di wilayah Jammu dan Kashmir pada Ahad.

Menurut laporan media tempatan, penyerang yang tidak dikenali bertindak menyerang sebuah kem yang menempatkan pekerja terlibat dalam projek pembinaan terowong di daerah Ganderbal.

Ketua Menteri Jammu dan Kashmir, Omar Abdullah berkata serangan itu menyasarkan pekerja bukan tempatan di Gagangir, kawasan Sonamarg.

"Saya mengutuk sekeras-kerasnya serangan yang menyasarkan orang awam yang tidak bersalah dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa," kata Omar dalam satu hantaran di platform X.

Mangsa yang terbunuh terdiri daripada pekerja migran dan pekerja tempatan, termasuk seorang doktor Kashmir.

Manakala mangsa yang cedera dibawa ke Institut Sains Perubatan Sher-e-Kashmir (SKIMS) di Srinagar.

Menteri Dalam Negeri India, Amit Shah mengecam serangan itu sebagai "tindakan pengecut yang keji" dan berjanji bahawa mereka yang bertanggungjawab akan dihukum. - ©BERNAMA

Nahas jet pejuang : Tentera Laut AS isytihar 2 kru hilang meninggalkan dunia

WASHINGTON, 21 Okt. - Tentera Laut Amerika Syarikat (AS) pada Ahad mengisytiharkan kematian dua kru yang hilang susulan nahas jet pejuang di kawasan pergunungan Washington awal minggu ini, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Dengan berat hati, kami berkongsi berita kehilangan dua anggota Zappers yang dikasihi. Keutamaan kami sekarang ialah menjaga keluarga juruterbang

yang terkorban dan memastikan kesejahteraan anggota Tentera Laut dan komuniti Growler," kata Pegawai Memerintah Timothy Warburton.

Menurut Tentera Laut, jet EA-18G Growler itu terhempas di timur Gunung Rainier pada Selasa semasa penerbangan latihan rutin. Pasukan penyelamat, termasuk sebuah helikopter Tentera Laut AS terlibat dalam usaha mencari kru dan lokasi

nahas.

Pada Rabu, pegawai mengesahkan bahawa serpihan pesawat telah ditemukan pada ketinggian kira-kira 1,800 meter di kawasan terpencil yang curam dan dipenuhi hutan tebal. "Kami berterima kasih atas kerjasama berterusan untuk menguruskan usaha mengeluarkan mayat kru terkorban dengan selamat," menurut kenyataan Tentera Laut. - ©BERNAMA

Pendaratan penyu karah di Taman Laut Labuan meningkat

LABUAN, 21 Okt. - Kadar pendaratan penyu karah di sekitar pantai di Taman Laut Labuan menunjukkan peningkatan dengan sekurang-kurangnya 19 penyu itu direkodkan mendarat sejak Januari lepas hingga bulan ini.

Pengarah Perikanan Labuan Sufian Ahmad berkata penyu terbabit mengeluarkan 2,562 telur dengan kawasan sarang popular ialah Pulau Rusukan Besar, Pulau Rusukan Kecil dan Pulau

Kuraman.

"Daripada 2,562 telur itu, sebanyak 1,423 telah menetas dan anak penyu terbabit telah dilepaskan ke laut. Walaupun terdapat pelbagai aktiviti laut di sekitar kawasan pulau di Taman Laut Labuan, kami masih memantau aktiviti pendaratan penyu sepanjang tahun," katanya kepada Bernama hari ini.

Beliau berkata pantai di kawasan berkenaan menjadi habitat bagi penyu hijau atau agar

dan penyu karah, namun pada tahun ini hanya penyu karah ditemukan mendarat. Sufian berkata pada tahun lepas sebanyak 18 penyu karah direkodkan mendarat dan menghasilkan 2,137 telur dengan 1,883 anak penyu telah dilepaskan ke laut. "Pendaratan penyu ini sekali gus menunjukkan betapa pentingnya pantai di Labuan sebagai habitat utama bagi spesies terancam," katanya. - ©BERNAMA

Qualcomm perkenal platform mudah alih pertama dengan CPU terpantas di dunia

MAUI, Amerika Syarikat, 22 Okt. - Pengeluar cip terkemuka Amerika Syarikat, Qualcomm pada Isnin melancarkan Snapdragon Mobile Platform pertama yang menampilkan CPU mudah alih terpantas di dunia, lapor Xinhua.

Platform yang dinamakan Snapdragon 8 Elite dilancarkan semasa sidang kemuncak teknologi tahunan Qualcomm di Maui, Hawaii, Amerika Syarikat.

Platform itu memacu era baharu AI generatif pada peranti, dibangunkan untuk mengendalikan kerumitan AI berbilang dengan lancar sambil mengutamakan privasi.

Menurut Qualcomm, Snapdragon 8 Elite yang dilengkapi dengan CPU Oryon buatan khusus generasi baharu adalah *system-on-a-chip*

mudah alih paling berkuasa dan terpantas di dunia.

Platform terbabit memberikan peningkatan prestasi dan kecekapan kuasa yang ketara serta mengubah pengalaman peranti dengan sokongan AI generatif *multimodal*, fotografi AI yang diperbaharui, permainan, dan audio berkualiti studio - semuanya disokong oleh sambungan yang dipertingkatkan oleh AI.

Qualcomm memperkenalkan CPU Oryon dalam komputer peribadi (PC) awal tahun ini.

"Kami sangat teruja untuk membawa kuasa Qualcomm Oryon ke dalam platform mudah alih Snapdragon kami buat pertama kali.

"Ia adalah lonjakan besar dan kami menjangkakan pengguna akan

sangat teruja dengan pengalaman baharu yang dikuasakan oleh teknologi CPU kami," kata Chris Patrick, naib presiden kanan dan pengurus besar telefon bimbit, Qualcomm Technologies, Inc.

Menurut Qualcomm, CPU Oryon yang pertama kali digunakan dalam peranti mudah alih ini menawarkan peningkatan prestasi sebanyak 45 peratus, kecekapan kuasa 44 peratus lebih tinggi dan *cache* data berkongsi terbesar dalam industri mudah alih.

Sidang kemuncak teknologi berlangsung dari Isnin hingga Rabu, dengan syarikat itu melancarkan platform generasi baharu serta mempamerkan teknologi inovatif yang akan memacu peranti pengguna serta kenderaan. - ©BERNAMA

Presiden Brazil batalkan lawatan ke Sidang Kemuncak BRICS di Rusia akibat cedera di kepala

SAO PAULO, 21 Okt. - Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva dimasukkan ke hospital di Brasilia selepas mengalami kecederaan di kepala akibat kemalangan di kediamannya pada Sabtu, lapor Xinhua.

Pejabat Presiden mengumumkan bahawa lawatan beliau ke Rusia bagi menghadiri Sidang Kemuncak BRICS yang dijadualkan berlangsung dari 22

hingga 24 Oktober di Kazan telah dibatalkan atas nasihat perubatan.

Lula da Silva, 78, disarankan untuk mengelakkan perjalanan jarak jauh, menurut kenyataan pejabatnya.

Bagaimanapun, beliau akan menyertai sidang kemuncak itu melalui persidangan video dari Brasilia dan meneruskan jadual kerjanya seperti biasa minggu depan.

Presiden itu dimasukkan ke hospital di Brasilia dengan kecederaan lebam pada bahagian belakang kepala.

"Selepas menjalani penilaian oleh pasukan perubatan, Lula dinasihatkan untuk mengelakkan perjalanan jauh namun masih boleh menjalankan tugas-tugas lain," menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh pasukan doktor. - ©BERNAMA

PASUKAN FUTSAL JPM MELANGKAH KE PERINGKAT SUKU AKHIR

Siaran Akhbar dan Foto : Jawatankuasa Kejoanan Futsal Antara Kementerian-kementerian

BERAKAS, Isnin, 21 Oktober. - Pasukan Jabatan Perdana Menteri (JPM) berjaya merampas puncak Liga Terbuka Persaingan Kumpulan 'B' pada Kejoanan Futsal Antara Kementerian-kementerian sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-31 selepas mengumpul 12 mata untuk masuk ke peringkat suku akhir.

Kejayaan bergaya Pasukan JPM itu diiringi oleh Pasukan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (MFA) bersama Pasukan Kementerian Pembangunan (MOD) dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) turut melangkah ke peringkat suku akhir.

Walau bagaimanapun, Pasukan JPM akan menguji Pasukan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) manakala MFA akan menyahut cabaran dengan Pasukan Kementerian Pendidikan

PASUKAN Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa sesi bergambar ramai pada Kejoanan Futsal Antara Kementerian-kementerian sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-31.

(MOE) sementara dua lagi perlawanan menarik pada peringkat suku akhir menyaksikan pertemuan Pasukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) menentang Pasukan MINDEF dan Pasukan MOD akan menghitung nasib apabila bertemu dengan Pasukan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Saingan perlawanan 'kalah mati' itu akan berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolikiah, Berakas pada Selasa ini.

Bagi perlawanan peringkat suku akhir bagi Kategori Veteran pula akan menyaksikan Pasukan



Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bertemu Pasukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP); MOE menguji Pasukan KHEDN dan Pasukan MOD berdepan dengan

Pasukan Kementerian Kesihatan (MOH) sementara KHEU dijangka bekerja keras untuk menyingkirkan Pasukan MINDEF.

Kejoanan Futsal Antara Kementerian - kementerian sempena Sambutan HPA Ke-31

yang dianjurkan oleh KHEDN ini dihasratkan untuk meningkatkan potensi pemain dan mencungkil bakat pemain serta mengeratkan lagi hubungan muhibah dan mesra khususnya dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam.

Kejoanan Bulu Tangkis labuh tirai

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Persatuan Lun Bawang Murut Brunei



SEKITAR Kejoanan Bulu Tangkis sempena Irau Tupeh Padey Tahun 2024 anjuran Persatuan Lun Bawang Murut Brunei (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Oktober. - Kejoanan Bulu Tangkis sempena Irau Tupeh Padey Tahun 2024 anjuran Persatuan Lun Bawang Murut Brunei melabuh tirainya baru-baru ini dengan pasukan-pasukan menerima hadiah bagi kategori masing-masing selepas tamat perlawanan akhir yang

berlangsung di Dewan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Yang Dipertua persatuan berkenaan, Leftenan Kolonel (B) Tamin bin Tuah.

Pada kejoanan tersebut, Jeferi Ting dan Japarie Berauk muncul juara bagi Kategori Lelaki



Campuran Umur 50 Tahun Ke Atas. Sementara itu, naib juara disandang oleh Lin Sun Hui dan Liew Chuan Fue dan Pasukan Kula Tagal dan Jose Agong serta Pasukan Gisang Kaling dan Kamran Lepi menangi tempat ketiga.

Bagi Kategori Wanita Campuran Umur 80 Tahun pula, juara dimenangi oleh Pasukan Aesyah Apoi dan Masliani, manakala naib juara disandang oleh Juriah dan Loly dan tempat ketiga dimenangi oleh Marian Ulat dan Limahwati.

Sementara bagi Kategori Lelaki Terbuka, Tomie Tagal dan Daniel Alus muncul johan, sementara naib

johan disandang oleh Sofian Sabtu dan Afeq dan tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Joseph Labih dan Daniel Gelawat dan Pasukan Yohanes Sumbat dan Nehemia Japarie.

Christy Deborah dan Maryanne Yangkai muncul johan bagi Kategori Wanita Terbuka, naib johan dimenangi oleh Emmy Esther Lukas dan Glory Jumat sementara itu tempat ketiga disandang oleh Pasukan Evy Cheryl Udang dan Lyn Sharonica Chin dan Pasukan Anna Jumat dan Amanda Jumat.

Bagi Kategori Lelaki 12 Tahun, Noah dan Amir muncul johan, sementara naib johan disandang

oleh Gad Nathan dan Abnar dan tempat ketiga dimenangi oleh JJ dan John.

Penyampaian hadiah bagi Kategori Lelaki Campuran Umur 50 Tahun Ke Atas, Lelaki Terbuka Dan Lelaki 12 Tahun disempurnakan oleh tetamu kehormat, sementara Kategori Wanita Campuran Umur 80 Tahun pula disampaikan oleh mantan Yang Dipertua persatuan berkenaan, Ibrahim bin Timbang dan Kategori Wanita Terbuka disempurnakan oleh Timbalan Yang Dipertua, Dayang Mariam binti Ulat.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Eratkan silaturahmi melalui Perlawanan Badminton Persahabatan

Berita dan Foto : Ihsan Pasukan Badminton Group Riadah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Oktober. - Perlawanan Badminton Persahabatan adalah salah satu aktiviti sukan yang sihat di samping mengeratkan lagi persahabatan serta silaturahmi bagi warga veteran yang sudah bersara.

Pasukan Badminton Group Riadah (GR Badminton Team) yang diketuai oleh Awang Haji Mohd. Jaffari bin Haji Mahadi mengadakan Perlawanan Badminton Persahabatan dengan pengguna Dewan Kemasyarakatan Lambak Kanan 1

yang diketuai oleh Awang Haji Talib bin Haji Karim.

Perlawanan berkenaan diadakan pada hari ini bertempat di Dewan kemasyarakatan Lambak Kanan 1.

PERLAWANAN Badminton Persahabatan di antara pasukan Badminton Group Riadah yang diketuai oleh Awang Haji Mohd. Jaffari bin Haji Mahadi dengan pengguna Dewan Kemasyarakatan Lambak Kanan 1 yang diketuai oleh Awang Haji Talib bin Haji Karim.





ePaper Pelita Brunei



22 PESERTA SERTAI REFRESHER'S COURSE



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly selaku tetamu kehormat semasa sesi bergambar ramai.

Sukan Sungai Kebun iaitu pada 17 November 2024.

Manakala perlawanan pusingan suku akhir dan separuh akhir akan diadakan pada 22 November 2024 bertempat Stadium Tertutup, KSNHB.

Perlawanan akhir bagi LSST 2024 juga akan berlangsung di Stadium Tertutup, KSNHB hingga Ahad, 24 November 2024.

LSST TAIB 2024 merupakan anjuran kali kedua PESTABARU dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) selaku penaja utama liga.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan

BERAKAS, Isnin, 21 Oktober. - Seramai 22 peserta telah mengikuti Refresher's Course bagi Pegawai Teknikal yang diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB), hari ini.

Pemudah cara bagi kursus tersebut ialah Setiausaha Agung

Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU), Awang Ramlan bin Haji Mohd. Said.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly.

Atur cara terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah

Al-Fatihah dan diikuti dengan ucapan ringkas daripada Presiden PESTABARU, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas.

Refresher's Course bagi Pegawai Teknikal yang diadakan kali ini merupakan persiapan jawatankuasa bagi Penganjuran Liga Super Sepak Takraw (LSST) TAIB 2024 yang akan diadakan enam minggu berturut-turut

bermula pada Ahad, 27 Oktober 2024 bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Perlawanan seterusnya akan diteruskan di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Tutong pada Ahad iaitu pada 3 dan 10 November 2024.

Bagi perlawanan minggu keempat akan berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks

Almerez HiTUNE FC pamer aksi cemerlang

PASUKAN Almerez HiTUNE FC semasa bergambar ramai pada perlawanan persahabatan di Stadium Tertutup Miri, Sarawak.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Oktober. - Pasukan Almerez HiTUNE FC menampilkan aksi cemerlang dengan kemenangan besar ke atas pasukan Futbolismo FC dengan jaringan 10 - 0 pada perlawanan persahabatan di Stadium Tertutup Miri, Sarawak.

"Selain sebagai persiapan perlawanan BEFL 2024/25, perlawanan persahabatan ini juga bertujuan memantapkan minda dan meningkatkan prestasi pemain-pemain dalam menghadapi pasukan-pasukan luar negeri," jelas Ketua Jurulatih Almerez HiTUNE FC, Haji Muhd. Azim bin Haji Zakaria.

Katanya, pertemuan ini jelas menampilkan cara permainan yang berbeza, dengan perlawanan berintensiti lebih



tinggi yang menguji reputasi semua pemain.

Beliau turut gembira dengan keupayaan para pemain melaksanakan taktik permainan dan strategi perlawanan serta penampilan *power play* yang menyerlah, hingga memperoleh kemenangan besar.

"Kita berharap momentum baik

ini dapat dikekalkan untuk menghadapi perlawanan BEFL yang seterusnya," tambahnya.

Futbolismo FC merupakan salah sebuah pasukan futsal terbaik di Miri, Sarawak, yang berpengalaman menyertai kejohanan-kejohanan futsal tempatan, termasuk Liga Hero Futsal Miri 22/23.

■ Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ihsan Yakin Football League

Mereka juga akan menyertai kejohanan Yakin Madani Futsal League yang akan membuka tirai minggu ini.

Hadir menyaksikan perlawanan tersebut ialah Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies dan

Yakin Football League, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang serta Ketua Pegawai Eksekutif HiTUNE Group of Companies dan Yakin Football League, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffrey.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSOPAN SANTUN ADALAH PERBUATAN YANG TERPUJI